



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 14 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 81)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

SOALAN NO. : 9

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN:

Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan "dredging" di kuala Sungai Limbang yang semakin tohor memandangkan peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan beberapa tahun yang lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun 2016 iaitu di bawah RMKe-11 bagi kerja-kerja pengorekan di muara Sungai Limbang. Projek ini meliputi kerja-kerja pengorekan di kawasan seluas 28.8 hektar dengan kedalaman 4 meter, lebar 60 meter di sepanjang 4.8 km.

Status Semasa :

1. Kerja Ukur – siap
2. Kerja Reka Bentuk – siap
3. Kelulusan EIA – selesai
4. Dokumen Tender – siap

Pada masa ini, Kementerian dalam peringkat perolehan dan kerja-kerja fizikal di tapak dijangka akan bermula pada April 2017.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 14.3.2017

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan pada tahun 2017 dan bila peruntukan tersebut akan disampaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM14,025,140,684.00 untuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) pada tahun 2017. Bagi Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan dan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di bawah aktiviti Pentadbiran Negeri bagi SMK adalah sebanyak RM381,885,864.00 dan mula disalurkan mulai 6 Januari 2017. Bagi peruntukan pembangunan di bawah pelaksanaan *Rolling Plan 2* (2017-2018) RMKe-11, peruntukan bagi menengah akademik adalah sebanyak RM348.6 juta yang merangkumi 135 projek sambungan dan dua (2) projek baharu di seluruh negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]

TARIKH : 14.3.2017

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan mitigasi yang telah diambil oleh pihak Kementerian ke atas keadaan sekolah-sekolah di negeri Sabah yang telah uzur, usang dan kurang kelengkapan pembelajaran; dan
- (b) memandangkan banyak kelengkapan asas asrama sekolah di negeri Sabah seperti tilam, bantal selimut dan sebagainya telah usang, adakah pihak Kementerian sedia untuk memberikan peruntukan khas bagi tujuan menggantikan kelengkapan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menaik taraf dan membaik pulih bangunan sekolah yang daif di semua negeri termasuk negeri Sabah, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan akses pendidikan kepada semua murid. KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah mengenal pasti sekolah daif yang kritikal dan mengemukakan permohonan gantian bangunan dan ubahsuai naik taraf melalui saluran Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-

11). Sehingga 26 Februari 2017, pembaikan sekolah daif telah siap dilaksanakan ke atas 51 buah sekolah yang melibatkan skop baik pulih. Pada tahun ini, sebanyak 30 buah sekolah di Sabah telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya Sabah untuk pelaksanaan pembaikan sekolah daif.

- b) KPM mengambil perhatian isu kelengkapan asas asrama sekolah. Pada tahun 2016, perolehan perabot dan peralatan untuk semua sekolah di bawah JPN Sabah adalah sebanyak RM1.5 juta. KPM juga telah membuat perolehan perabot untuk asrama SMK Telupid dan SMK Tulid sebanyak RM200,000.00 bagi tahun 2016. Pada tahun ini KPM telah memperuntukkan sebanyak RM374,800.00 untuk perolehan perabot termasuk perabot asrama dan peralatan untuk semua sekolah di Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 14.3.2017 (SELASA)

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan
keberkesanannya memantau harga barang-barang di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Program Pemantauan Harga sejak tahun 2008 melalui khidmat **1,027 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH)** di seluruh negara bagi memantau harga barangan yang dijual di premis-premis perniagaan secara konsisten mengikut jadual harian, mingguan dan bulanan. Data harga yang dikumpul akan dianalisa bagi mendapatkan trend perubahan harga barangan. Trend ini turut dianalisa secara bersepadu dengan perubahan-perubahan keadaan pasaran yang berkaitan dengan perubahan harga seperti pengenaan cukai, perubahan harga bahan bakar, perubahan musim, perubahan kadar tukaran mata wang dan sebagainya.

Analisa harga digunakan terutamanya untuk mengesan perubahan harga yang mendadak di pasaran. Sekiranya terdapat kenaikan harga secara mendadak akan dibuat siasatan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Dalam pada itu, laporan perubahan harga akan disalurkan ke agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, FAMA dan LKIM bagi membolehkan agensi-agensi ini mengambil tindakan bersesuaian dalam memastikan bekalan mencukupi dan seterusnya menstabilkan harga barangan.

Maklumat harga yang dikumpul setiap hari turut dipaparkan kepada pengguna melalui Portal 1Malaysia Pengguna Bijak dan aplikasi Paparan Harga. Paparan Harga ini membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan seterusnya membuat pilihan yang bijak dalam berbelanja.

Melalui Program Pemantauan Harga juga, Kementerian turut memastikan kewujudan PPH di lapangan berfungsi sebagai mata dan telinga Kementerian dalam usaha memantau dan memastikan tidak berlakunya salah laku atau kegiatan pencatutan oleh peniaga yang tidak beretika di bawah mana-mana Akta yang dikuatkuasakan oleh KPDNKK contohnya seperti tidak mempamerkan tanda harga, menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak ditentukan, menjual barangan tiruan dan cetak rompak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) jumlah kutipan cukai oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun lepas serta jumlah cukai yang belum dikutip; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan berhasrat mengisytiharkan muflis ke atas mereka yang gagal menjelaskan cukai dan jumlah mereka yang telah diisytiharkan muflis di negara ini serta jenis bantuan Kerajaan yang mereka perolehi.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- 1) Sehingga 31 Disember 2016, jumlah kutipan cukai langsung secara kasar yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah berjumlah RM114.02 bilion. Manakala jumlah cukai pendapatan yang belum dijelaskan sepenuhnya kepada LHDN adalah dianggarkan sebanyak RM6.81 bilion.
- 2) Untuk makluman YB, undang-undang percukaian membenarkan Kerajaan untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang gagal menjelaskan amaun cukai tertunggak. Antara proses pemungutan yang dilakukan sebelum sebarang tindakan guaman sivil diambil adalah dengan mengeluarkan surat peringatan dan notis tunggakan cukai kepada pembayar cukai serta menguatkuasakan Sekatan Perjalanan Keluar Negara di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 sekiranya pembayar cukai masih lagi gagal menyelesaikan cukai yang tertunggak.
- 3) Sekiranya semua langkah-langkah pemungutan ini telah diambil dan pembayar cukai masih lagi ingkar, Kerajaan akan memulakan tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 106 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memungut kembali cukai yang terhutang yang perlu dibayar oleh pembayar cukai. Dan sekiranya gagal, Kerajaan akan menguatkuasakan penghakiman dengan mengambil tindakan pelaksanaan kehakiman iaitu mengisytiharkan kebangkrapan dan tindakan penggulungan syarikat ke atas pembayar cukai berkenaan.

4) Sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 116 kes kebangkrapan telah didaftarkan dengan Jabatan Insolvensi Malaysia oleh LHDNM yang melibatkan jumlah cukai tertunggak sebanyak RM 14.40 juta untuk tindakan penggulungan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93 kes dengan jumlah cukai tertunggak sebanyak RM11.32 juta melibatkan pembayar cukai individu, manakala 23 kes lagi dengan jumlah cukai tertunggak sebanyak RM3.08 juta melibatkan pembayar cukai syarikat.

5) Bagi mana-mana pembayar cukai individu yang telah diisytiharkan muflis dan berdaftar dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), mereka masih boleh menerima bantuan daripada Kerajaan seperti BR1M.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah syarikat dan perseorangan yang membayar cukai pendapatan dari tahun 2015 dan 2016, berapa syarikat perseorangan telah dikenakan kompaun dan berapa dilepaskan bayaran kompaun mengikut negeri.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Jumlah pembayar cukai syarikat dan perseorangan/individu yang membayar cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2015 ialah masing-

masing 194,488 buah syarikat, manakala perseorangan/individu ialah seramai 2,145,352.

2) Maklumat jumlah pembayar cukai syarikat dan perseorangan/individu yang membayar cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2016 tidak dapat disediakan kerana tarikh akhir pengembalian borang nyata cukai pendapatan belum tamat. Maklumat ini hanya akan dapat diperolehi dan dimuktamadkan selepas tarikh akhir penyerahan Borang Nyata Cukai Pendapatan iaitu bagi perseorangan/individu penggajian adalah pada 30 April 2017 dan perseorangan/individu yang mempunyai pendapatan perniagaan adalah pada 30 Jun 2017. Manakala bilangan pembayar cukai syarikat hanya dapat dimuktamadkan dalam tempoh tujuh bulan selepas tarikh penutupan akaun sesebuah syarikat.

Tuan Yang Dipertua,

3) Jumlah bilangan pembayar cukai syarikat perseorangan yang telah dikenakan kompaun ialah sebanyak 27,813 bagi tempoh 2015 dan 2016. Manakala, jumlah bilangan pembayar cukai syarikat perseorangan yang telah ditarik atau dilepaskan kompaun ialah sebanyak 1,167 dalam tempoh yang sama.

4) Negeri yang mempunyai bilangan kompaun syarikat perseorangan yang tertinggi ialah Kuala Lumpur iaitu sebanyak

5,499, diikuti Johor sebanyak 4,635 dan Selangor 3,267, manakala yang terendah ialah Perlis sebanyak 230.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kenaikan caj di hospital adakah melibatkan rakyat miskin. Apakah Kementerian mempunyai perancangan yang khusus bagi membantu mengurangkan beban pesakit mendapatkan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengemaskinian Perintah Fi (Perubatan) 1982 hanya melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) kenaikan kadar **caj pesakit Kelas 1** sebanyak **50%** yang merangkumi caj wad, rawatan, siasatan dan pembedahan;
- (ii) kenaikan kadar **caj wad sahaja** bagi **Kelas 2** sebanyak **25%**;
- (iii) mewujudkan caj bilik bersalin dan dewan bedah bagi Kelas 1 sebanyak RM120 setiap kemasukan;

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **Menteri Kesihatan** menyatakan sama ada kenaikan caj di hospital adakah melibatkan rakyat miskin. Apakah Kementerian mempunyai perancangan yang khusus bagi membantu mengurangkan beban pesakit mendapatkan rawatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengemaskinian Perintah Fi (Perubatan) 1982 hanya melibatkan perkara-perkara berikut:

- (i) kenaikan kadar **caj pesakit Kelas 1** sebanyak **50%** yang merangkumi caj wad, rawatan, siasatan dan pembedahan;
- (ii) kenaikan kadar **caj wad sahaja** bagi **Kelas 2** sebanyak **25%**;
- (iii) mewujudkan caj bilik bersalin dan dewan bedah bagi Kelas 1 sebanyak RM120 setiap kemasukan;

- (iv) pengemaskinian prosedur dan caj bagi rawatan fisioterapi, pergigian dan radioterapi dan onkologi; dan
- (v) memasukkan caj yang tiada dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 bagi perkhidmatan **perubatan tradisional dan komplementari (TC&M), rawatan pemulihan cara kerja, siasatan pemulihan pertuturan bahasa dan siasatan dietetik.**

Kadar caj pergigian bagi prosedur sedia ada seperti pada Perintah Fi (Perubatan) 1982 tidak berubah. Hanya caj pergigian bagi prosedur yang tiada dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982 diperkenalkan dengan kadar caj bersubsidi yang jauh lebih rendah dari kadar caj bagi prosedur yang sama di sektor swasta.

Caj rawatan kesihatan bagi Kelas 3 tidak berubah. Sehubungan itu, kenaikan caj tersebut tidak melibatkan rakyat miskin.

Bagi pesakit Kelas 3 yang miskin dan tidak mampu membayar bil hospital, mereka boleh diberi pengecualian daripada membayar sebahagian atau kesemua bil rawatan kesihatan bagi caj pesakit luar dan caj pesakit Kelas 3 seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7 Perintah Fi (Perubatan) 1982.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SERI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)
SOALAN :
TARIKH : 14 MAC 2017

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian holistik dan tuntas bagi 20 graduan jurusan perubatan daripada Republik Cuba yang masih tidak dapat menjalani latihan "housemanship" disebabkan isu akreditasi ijazah sedangkan mereka dikurniakan biasiswa Kerajaan Cuba setelah mendapat keputusan SPM cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan peruntukan Akta Perubatan 1971, hanya graduan dari universiti yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971 sahaja, layak dipertimbangkan untuk mendapatkan pendaftaran.

Walaupun bagaimanapun tiada universiti dari negara Cuba yang tersenarai di dalam Jadual Kedua Akta Perubatan 1971.

Sehubungan dengan itu, 20 graduan perubatan yang dimaksudkan oleh YB berkenaan tidak layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran.

Sebagai jalan penyelesaian adalah:

mahasiswa/graduan berkenaan diberi peluang untuk menduduki peperiksaan khas iaitu, Peperiksaan Untuk Tujuan Pendaftaran Sementara (Examination for Provisional Registration - EPR) sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 12(1)(aa) Akta Perubatan 1971.

Jika mereka lulus dalam peperiksaan EPR ini mereka layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan pendaftaran sementara (Provisional Registration) dan layak dipertimbangkan untuk menjalani latihan siswazah selama tempoh dua tahun.

Setelah berjaya melaksanakan latihan siswazah dengan jayanya mereka layak dipertimbangkan untuk pendaftaran penuh selaras dengan peruntukan seksyen 14 Akta Perubatan 1971, dan layak mengamalkan sebagai pengamal perubatan berdaftar.

Untuk makluman, sejak tahun 2011 sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pendekatan moratorium terhadap sebarang cadangan penubuhan universiti yang baru untuk melaksanakan program perubatan, juga moratorium kepada universiti

sedia ada untuk melaksanakan sebarang program baru, dan juga moratorium terhadap sebarang permohonan penambahan kuota pengambilan pelajar sehingga tahun 2021.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai oleh MAS setelah dikendalikan oleh syarikat baharu dari segi keuntungan dan hutang yang ditanggung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun kewangan 2016, MAB telah berjaya mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan, iaitu 49% lebih baik daripada sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun berkenaan dan syarikat kini berada pada landasan yang lebih kukuh untuk kembali mencatatkan keuntungan

pada tahun 2018.

MAB dan syarikat induknya Khazanah Nasional Berhad adalah komited untuk menyatakan prestasi dan kemajuan MAB melalui pengumuman suku tahunan dan penyata kewangannya mengikut peraturan Akta Syarikat. MAB juga komited dalam perancangannya untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :

YB Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan polisi perkhidmatan kesihatan untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang mempunyai polisi perkhidmatan kesihatan untuk negara yang telah dibangunkan menerusi pelan Rancangan Malaysia Lima Tahun dimana pelan yang terkini ialah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Polisi dan halatuju kesihatan untuk negara dinyatakan dalam Bab 4 iaitu mengenai tajuk "Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat" yang menggariskan empat strategi utama iaitu:

- i. meningkatkan sokongan yang bersasar khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan;
- ii. menambah baik sistem penyampaian untuk status kesihatan yang lebih baik;
- iii. memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan
- iv. mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.

Penggubalan RMKe-11 ini telah mengambil kira dan meliputi polisi-polisi lain di peringkat nasional seperti Pelan Transformasi Kerajaan, Pelan Transformasi Ekonomi dan sebagainya serta polisi-polisi khusus di peringkat Kementerian Kesihatan seperti Dasar Perkhidmatan Kesihatan Remaja, Dasar Ubat Negara, Dasar Kesihatan Mental Negara, Pelan Strategi Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan, Pelan Tindakan Kesihatan Alam Sekitar Kebangsaan dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @NYALLAU ANAK
BADAK [LUBOK ANTU]
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :

YB Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa pembinaan klinik kesihatan di Lubok Antu belum ada tanda-tanda yang menunjukkan pembinaan akan bermula.

Tuan Yang DiPertua,

Projek pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru telah pun diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2015 *Rolling Plan* (dengan izin) Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-10 dengan skop projek Klinik Kesihatan Jenis 4 (KK4).

Projek ini sedang dalam peringkat pembangunan pelan rekabentuk oleh juruperunding yang dilantik pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak).

Proses tender dijangka dapat dilaksanakan pada bulan September 2017 setelah pembangunan pelan rekabentuk disiapkan. Kerja-kerja pembinaan awalan di tapak dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 20

**Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] meminta MENTERI
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:**

- (a) adakah Astro membenarkan pengiklanan dalam perkhidmatannya sedangkan para pengguna yang ingin mendapatkan khidmatnya perlu melanggan terlebih dahulu dan membayar kos langganan tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah kutipan yang diperolehi oleh Astro setiap bulan bagi kos langganan dari para pelanggan dan jumlah kutipan setiap bulan dari syarikat-syarikat pengiklanan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

ASTRO sentiasa komited dalam menyiarkan dan menghasilkan kandungan yang terbaik dan berkualiti yang juga setanding dengan kandungan antarabangsa. Untuk itu, ASTRO perlu memastikan agar setiap elemen yang terdapat dalam kandungan ASTRO adalah menarik, inovatif dan mempunyai nilai komersil yang boleh dipasarkan.

Dalam pada itu, ASTRO juga turut komited dalam memastikan bahawa perkhidmatannya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Syarat Lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98). Selain itu, ASTRO turut dikawal selia oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Berdasarkan syarat-syarat khas lesen ASTRO, pihak ASTRO sememangnya dibenarkan untuk menyiarkan kandungan iklan komersial. Namun demikian, had siaran juga telah ditetapkan, iaitu tidak lebih daripada 10 minit bagi setiap jam di setiap saluran. Ini adalah selari dengan amalan kebiasaan badan penyiar berbayar di seluruh dunia.

Selain itu, bayaran langganan yang dikenakan kepada pelanggan ASTRO masih belum mampu menandingi kos kandungan yang perlu ditanggung oleh pihak ASTRO. Kos operasi dan kos perolehan kandungan tidak mampu ditampung hanya dengan kutipan yuran langganan sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

ASTRO sentiasa komited dalam menyiarkan dan menghasilkan kandungan yang terbaik dan berkualiti yang juga setanding dengan kandungan antarabangsa. Untuk itu, ASTRO perlu memastikan agar setiap elemen yang terdapat dalam kandungan ASTRO adalah menarik, inovatif dan mempunyai nilai komersil yang boleh dipasarkan.

Dalam pada itu, ASTRO juga turut komited dalam memastikan bahawa perkhidmatannya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam Syarat Lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98). Selain itu, ASTRO turut dikawal selia oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Berdasarkan syarat-syarat khas lesen ASTRO, pihak ASTRO sememangnya dibenarkan untuk menyiarkan kandungan iklan komersial. Namun demikian, had siaran juga telah ditetapkan, iaitu tidak lebih daripada 10 minit bagi setiap jam di setiap saluran. Ini adalah selari dengan amalan kebiasaan badan penyiar berbayar di seluruh dunia.

Selain itu, bayaran langganan yang dikenakan kepada pelanggan ASTRO masih belum mampu menandingi kos kandungan yang perlu ditanggung oleh pihak ASTRO. Kos operasi dan kos perolehan kandungan tidak mampu ditampung hanya dengan kutipan yuran langganan sahaja.

SOALAN NO.: 20

Sumbangan daripada siaran iklan komersial memastikan bahawa para pengguna dan pelanggan ASTRO tetap ditawarkan perkhidmatan dan kandungan yang terbaik dan eksklusif dari seluruh pelosok dunia termasuk juga kandungan tempatan, bersesuaian dengan kehendak dan citarasa penonton yang berbeza.

Pada tahun 2016, pendapatan bersih daripada perniagaan televisyen ASTRO adalah berjumlah RM4,957 juta pada tahun 2016. Manakala pendapatan daripada kutipan langganan adalah berjumlah RM4,380 juta dan pendapatan daripada pengiklanan (TV AdEx) adalah sebanyak RM364 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
(SETIU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada benar terdapat percanggahan angka kerugian oleh Bank Negara Malaysia yang dicatatkan sepanjang tahun 1991 sehingga 1993 melalui aktiviti perdagangan matawang serta adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas bebas bagi membuka kes siasatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian perdagangan

mata wang asing yang dialami oleh Bank Negara Malaysia (BNM) telah diambil kira di dalam penyediaan penyata kewangan tahunan BNM dan telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebelum ia diterbitkan.

Seperti yang diketahui umum, Kerajaan akan menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas untuk menyiasat dakwaan kerugian yang dialami oleh BNM. BNM akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Pasukan Petugas Khas tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) sama ada Kerajaan telah menjalankan kajian sosioekonomi mengenai kesan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas ekonomi desa; dan

(b) jika ya, adakah pihak Kerajaan bersetuju untuk mengemukakan keputusan kajian tersebut. Jika tidak, mengapakah kajian tersebut belum dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah

menjalankan Kajian Perbelanjaan Isi Rumah yang menyeluruh sebelum pelaksanaan GST bagi meneliti kesan GST ke atas segenap lapisan rakyat. Kajian tersebut memberi tumpuan khusus kepada implikasi kos sara hidup bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang menetap di luar bandar dan juga di bandar. Berdasarkan data yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah membuat simulasi dan mendapati pelaksanaan GST memberi kesan tambahan perbelanjaan sara hidup secara purata seperti berikut:

- a. bagi golongan yang berpendapatan isi rumah bulanan RM2,000 ke bawah, kesan tambahan perbelanjaan sara hidup adalah sebanyak RM51.89 sebulan atau 2.59%; dan
- b. bagi golongan yang berpendapatan isi rumah bulanan RM8,000 ke atas, kesan tambahan perbelanjaan sara hidup adalah sebanyak RM290.00 sebulan atau 4.14%.

Kesan tambahan tersebut seterusnya dapat dikurangkan lagi setelah dibuat tambahan jenis barang yang dikenakan GST pada kadar sifar (0%) iaitu ke atas produk petroleum RON 95 dan LPG, semua jenis bahan bacaan, ubat-ubatan yang dikategorikan di bawah Suffix A, X dan N melibatkan 9,184 jenama serta tambahan beberapa

jenis bahan makanan seperti mi kolok, dhal dan susu bayi.

Kajian tersebut menunjukkan mereka yang berpendapatan tinggi yang lazimnya lebih banyak menggunakan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar standard 6% menanggung purata kesan tambahan perbelanjaan sara hidup yang lebih besar berbanding mereka yang berpendapatan rendah. Dengan keperihatinan Kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah, bantuan BR1M bagi menampung kesan tambahan perbelanjaan sara hidup yang secara langsung disebabkan pelaksanaan GST telah ditingkatkan seperti berikut:

- a. dari RM1,000 ke RM1,200 bagi pendapatan isi rumah kurang dari RM3,000;
- b. dari RM800 ke RM900 bagi isi rumah yang berpendapatan di antara RM3,000 hingga RM4,000; dan
- c. dari RM400 ke RM450 bagi individu bujang yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000.

Secara kesimpulannya, pelaksanaan GST di Malaysia adalah

merupakan satu langkah yang tepat memandangkan GST merupakan suatu sistem percukaian yang adil, cekap, telus, mesra peniaga dan progresif. Kajian dalam konteks tahap pembangunan ekonomi Malaysia juga dapat membuktikan bahawa semakin tinggi perbelanjaan, maka semakin tinggi jumlah GST yang dibayar. Kedudukan purata kesan tambahan yang rendah dapat diwujudkan kerana pelbagai barang dan perkhidmatan asasi adalah tidak dikenakan GST. Pendekatan yang diambil adalah dengan mengkategorikan sama ada pelbagai barangan dan perkhidmatan merupakan pembekalan berkadar sifar, dikecualikan GST atau diberi pelepasan GST. Kajian tersebut dapat menunjukkan bahawa sebahagian besar perbelanjaan oleh golongan berpendapatan rendah adalah untuk barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST seperti barang makanan asasi, penyewaan rumah kediaman dan pengangkutan awam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. SHAMSUL
ANUAR BIN HJ. NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [Lenggong] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

- (a) hampir dua tahun sejak pembentangan RMK-11 dibuat pada Mei 2015, apakah pencapaian Kerajaan serta perkara yang telah terlaksana setakat ini; dan
- (b) apakah bentuk pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak bermulanya pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-Sebelas, sebanyak 5,673 projek pembangunan melibatkan peruntukan sebanyak RM89 bilion telah dilaksanakan sehingga Februari 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 807 projek telah siap manakala bakinya dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bentuk pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan adalah berdasarkan komitmen Kerajaan sebagaimana yang termaktub dalam enam (6) teras utama Rancangan Malaysia ke-Sebelas yang meliputi aspek memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama, meningkatkan kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan, meningkatkan kemampuan dan daya tahan melalui pertumbuhan hijau, memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran. Bagi tahun 2017, pelaksanaan RMKe-11 adalah berdasarkan bajet yang telah diluluskan. Tumpuan utama adalah kepada projek *people centric*, menjanakan pendapatan rakyat, meningkatkan pemilikan rumah, meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 14.3.2017 (SELASA)

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada sesebuah syarikat diperlukan di bawah Akta Syarikat untuk menyampaikan semula penyata kewangan baru yang disemak semula oleh pihak juruaudit kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) apabila pengesahan juruaudit untuk penyata kewangan tahun tersebut ditarik balik.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Akta Syarikat 2016 tidak menyatakan keperluan untuk menyerahsimpan semula penyata kewangan baru yang disemak semula oleh juruaudit sekiranya terdapat penarikan balik pengesahan juruaudit bagi penyata kewangan bagi sesuatu tahun.

Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan di pihak syarikat untuk menarik balik penyata kewangan yang telah diserahsimpan dan seterusnya menyerahsimpan penyata kewangan terkini yang disemak semula oleh juruaudit, permohonan perlu dibuat oleh syarikat melalui perintah mahkamah menurut seksyen 582(3) Akta Syarikat 2016.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 14.3.2017 (SELASA)

SOALAN : 25

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rumah panjang yang telah menerima bekalan air bersih dan bekalan elektrik luar bandar bagi kawasan Hulu Rajang.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bermula pada tahun 2010 sehingga tahun 2016, sejumlah RM260.0 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek BELB di kawasan Hulu Rajang yang memberi manfaat kepada 1,535 Ketua Isi Rumah (KIR) di 41 buah rumah panjang apabila semua projek tersebut siap kelak.

Manakala, bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Projek Membina dan Menyiapkan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Belaga, Kapit, Sarawak yang melibatkan pembinaan Loji Rawatan Air dan pembinaan paip utama dengan kos kontrak bernilai RM35.48 juta telah dilaksanakan dan siap sepenuhnya pada 8 Mei 2013. Pelaksanaan projek ini melibatkan akses bekalan air kepada penduduk di Pekan Belaga, kawasan penempatan semula, Long Amo, Kg. Sg. Tengan & Rh. Sekapan Pit/Pendek, sekolah-sekolah serta Klinik Kesihatan dan agensi/pejabat Kerajaan di sekitar Pekan Belaga.

Bagi penyambungan paip ke rumah panjang dan kampung di Kawasan Belaga pula, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Belaga - Jalan Belaga/Mejaweh, Bahagian Kapit, Sarawak yang telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rolling Plan Pertama, RMKe-11 dengan anggaran kos projek bernilai RM30.0 juta akan dilaksanakan. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 450 Ketua Isi Rumah (KIR) di 9 buah rumah panjang. Status terkini projek adalah di peringkat rekabentuk dan dijangka akan ditender sebelum akhir tahun ini tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 14.3.2017 (SELASA)

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk "high level task force" atau Lembaga Penasihat untuk menolong Kerajaan untuk membentuk dasar Hak Harta Intelek yang betaraf dunia. Adakah Malaysia pengimport atau pengexport Hak Harat Intelek (IPR).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan “High Level Task Force” atau Lembaga Penasihat untuk menolong Kerajaan untuk membentuk dasar Hak Harta Intelekt. Walau bagaimanapun Kerajaan telah menggubal suatu Dasar Harta Intelekt Negara yang telah pun dilancarkan pada 27 April 2007. Dasar Harta Intelekt Negara bertujuan untuk memantapkan lanskap harta intelek negara bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan rakyat negara ini. Ianya juga bertujuan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur dalam dan luar negara bagi menggalakkan pemindahan teknologi yang berkesan. Seterusnya membolehkan pengusaha tempatan meraih sepenuhnya penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial. Dasar tersebut mempunyai 8 strategi utama iaitu:

- i. sistem perlindungan harta intelek bertahap tinggi;
- ii. memajukan aktiviti melibatkan kepentingan harta intelek;
- iii. mempromosi harta intelek secara komersil;
- iv. pembangunan pengurusan harta intelek;
- v. pembangunan infrastuktur harta intelek;
- vi. kepentingan perlindungan harta intelek;
- vii. pembangunan sumber manusia dan kesedaran awam;
- viii. meningkatkan pertukaran teknologi asing.

Usaha-usaha penambahbaikan berterusan oleh Kementerian melalui MyIPO telah membantu Malaysia mewujudkan persekitaran sistem perlindungan harta intelek dalam negara yang kondusif. Kementerian berpandangan bahawa dasar yang dilaksanakan telah memberikan kesan yang positif dan mewujudkan persekitaran harta

intelekt yang kondusif serta mapan kepada pemain harta intelek di Malaysia. Bagi menjaga kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa, Kementerian sentiasa mengemaskini dan menambahbaik sistem perundangan harta intelek negara selaras dengan standard dan amalan antarabangsa. Selain daripada itu, Malaysia turut menyertai triti-triti berkaitan harta intelek yang ditadbir oleh World Intellectual Property Organization (WIPO).

Buat masa ini, Malaysia masih lagi merupakan negara pengimport harta intelek berdasarkan jumlah pemfailan yang menunjukkan permohonan dari luar negara lebih banyak daripada permohonan tempatan. Namun begitu, statistik menunjukkan jumlah pemfailan harta intelek rakyat tempatan semakin meningkat secara signifikan setiap tahun berdasarkan statistik pemfailan 5 tahun dari 2012 hingga 2016.

Pada tahun 2012, sebanyak 16,068 permohonan harta intelek telah difailkan oleh pemohon tempatan. Manakala pada tahun 2016, sebanyak 20,452 permohonan diterima. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27% permohonan harta intelek yang telah difailkan oleh pemohon tempatan dalam tempoh 5 tahun.

Dengan pelaksanaan dasar sedia ada dan langkah-langkah proaktif, kerajaan percaya dan yakin untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeksport harta intelek (nett exporter of IP) menjelang tahun 2050 selaras dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diumumkan oleh Perdana Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
KAWASAN : LIBARAN
TARIKH BAHAS : 14 MAC 2017
NO. SOALAN : 27

DATUK JUSLIE BIN AJIROL minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka sederhana Kerajaan menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terhadap polisi pentadbiran Presiden Donald Trump ke atas pelaburan syarikat Amerika Syarikat ke Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Seperti semua maklum, semenjak terpilih sebagai Presiden Amerika Syarikat, pentadbiran Presiden Donald Trump secara terbuka telah mengumumkan dasar-dasar ekonomi yang, dengan izin, *protectionist*. Antara langkah-langkah awal yang diambil termasuk usaha menarik balik pelaburan oleh syarikat-syarikat multinasional Amerika Syarikat di luar negara untuk kembali ke Amerika Syarikat bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Amerika.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia sememangnya terdedah kepada cabaran-cabaran ekonomi dari luar dan dalam negara. Walau bagaimanapun, sentimen dan dasar, dengan izin, *protectionist* terutama di Amerika Syarikat tidak menjejaskan kedudukan pelaburan negara. Ini kerana Malaysia mempunyai asas dan dasar yang kukuh dalam mempelbagaikan ekonomi, justeru meletakkan negara ini pada kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi sebarang ketidakpastian. Analisis terkini Bank Dunia turut meramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan kekal berdaya tahan terhadap cabaran luaran; dengan pertumbuhan KDNK diunjurkan sekitar 4.3 peratus pada tahun 2017.

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia terus mengekalkan tahap pelaburan yang stabil di dalam sektor perkilangan. Pada tahun 2016, sebanyak 733 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM58.5 bilion telah diluluskan oleh MIDA, berbanding dengan 680 projek dengan pelaburan sebanyak RM74.7 bilion pada tahun 2015.

Pada tahun yang sama, Amerika Syarikat telah menyumbang sebanyak RM1.4 bilion pelaburan atau 2.4 peratus sahaja dari jumlah keseluruhan pelaburan yang telah diluluskan. Ini meletakkan Amerika Syarikat di kedudukan kelapan sumber pelaburan negara. Lima negara yang menyumbang kepada 56.1% pelaburan asing dalam sektor perkilangan adalah China dengan pelaburan bernilai RM4.8 bilion, Belanda bernilai RM3.2 bilion, Jerman bernilai RM2.6 bilion, United Kingdom bernilai RM2.6 bilion dan Korea Selatan bernilai RM2.2 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik strategi dan pendekatan bagi mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif, agar pelabur-pelabur asing dan tempatan terus membuat pelaburan di Malaysia. Strategi utama yang diambil adalah bagi terus menarik pelaburan dan meningkatkan daya tahan serta memastikan negara sentiasa bersedia menangani cabaran-cabaran semasa, baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Antara langkah-langkah jangka pendek dan jangka sederhana yang diambil oleh Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi terus menarik pelaburan ke dalam negara adalah:

- i. Memperkenalkan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” untuk menarik pelaburan berkualiti seperti industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensif modal, industri berintensif pengetahuan serta aktiviti-aktiviti penyelidikan. Dalam konteks ini, galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan. Ini termasuk dengan melaksanakan strategi meningkatkan

pelaburan berintensif pembangunan pengetahuan dan modal insan. Di bawah Bajet 2017, antara insentif utama yang diumumkan adalah insentif untuk terus meningkatkan penubuhan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan menggalakkan pihak swasta menyediakan dengan izin, *Structured Internship Programme* bagi melatih graduan lepasan universiti.

- ii. Mempelbagaikan sumber baharu pelaburan dan perniagaan selain tertumpu dalam sektor perkilangan. Ini termasuk dengan merencanakan perkembangan ekonomi digital and perdagangan elektronik, dengan izin, *e-commerce*. Strategi diurus ke arah mewujudkan hab perdagangan yang merentasi sempadan pertama di dunia bagi perusahaan kecil dan sederhana, terutamanya di zon perdagangan bebas digital, dengan izin, *Digital Free Trade Zone*;
- iii. Membangunkan rantaian bekalan dengan melengkapkan hubungan rantaian industri sama ada industri hulu dan sedia ada dan industri hiliran yang baharu;
- iv. Mengemaskini dasar pelaburan, serta mengadakan kolaborasi berterusan dengan syarikat-syarikat utama industri serta pihak-pihak berkepentingan bagi menarik para pelabur untuk melabur dalam semua sektor ekonomi; dan

- v. Menganjurkan lawatan kerja serta misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara yang disasarkan bagi menarik peluang-peluang pelaburan yang baharu.

Di samping itu, Kerajaan terus mengambil langkah untuk meningkatkan kualiti prasarana untuk terus memajukan persekitaran perniagaan di Malaysia setaraf dengan negara-negara maju. Ini termasuk pelaburan yang besar di projek-projek infrastruktur utama seperti projek MRT dan Lebuhraya Pan Borneo dan Rel Berkelajuan Tinggi. Ini juga akan meningkatkan hubungan di dalam dan di luar sempadan Malaysia sekali gus meningkatkan daya saing Malaysia di rantau ini.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa proaktif bagi memastikan negara terus kekal sebagai destinasi pilihan utama pelaburan. MIDA yang merupakan agensi promosi utama pelaburan negara menawarkan bantuan komprehensif kepada pelabur bermula dari perjumpaan awal bersama pelabur, penilaian insentif sehingga implementasi projek. Peranan ini akan terus dikemaskini dan ditambahbaik bagi merealisasikan hasrat Kerajaan mewujudkan iklim pelaburan yang kondusif dan menguntungkan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penggunaan (dalam unit jam) setiap unit tunnel boring machines (TBM) oleh KVMRT (T) Sdn Bhd dalam pembinaan MRT Sg Buloh-Kajang; dan tarikh tempoh masa setiap unit beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak lapan buah mesin pengorek terowong telah digunakan untuk mengorek terowong bagi jajaran bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mesin-mesin pengorek terowong tersebut telah diperoleh oleh kontraktor kerja bawah tanah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, iaitu MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd.

Terdapat banyak faktor yang telah diambil kira untuk mengenal pasti bilangan mesin pengorek terowong yang diperlukan, jenis mesin, jarak mengorek setiap mesin, dan juga turutan mesin digunakan. Antaranya adalah keadaan geologi, tempat untuk memulakan dan menamatkan kerja mengorek, risiko kerja mengorek dan lain-lain.

Hasil daripada perancangan yang terperinci berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan, telah membawa kejayaan kepada kerja pembinaan terowong untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, di mana kerja pembinaan terowong telah dapat diselesaikan menepati masa.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI – BN]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat penerbangan di Malaysia bagi menawarkan tiket tambang murah sepanjang tempoh Sukan SEA berlangsung bagi membolehkan lebih ramai rakyat Sarawak sama-sama menyaksikan Sukan SEA yang berlangsung di Semenanjung Malaysia.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang berusaha untuk mendapatkan penajaan sama ada dalam bentuk tunai, barangan ataupun perkhidmatan. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kos pengelolaan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan. Sasaran penajaan adalah sebanyak RM80 juta iaitu RM30 juta tunai dan RM50 juta barangan / perkhidmatan.
2. Bagi kemudahan penerbangan, Jawatankuasa Penganjur Malaysia (MASOC) Kuala Lumpur 2017 telah mengadakan perundingan dengan beberapa syarikat penerbangan bukan sahaja untuk menawarkan tambang murah kepada peminat sukan tetapi turut sama menaja penerbangan pegawai-pegawai teknikal yang terlibat termasuk dari luar negara. Setakat ini syarikat AirAsia Berhad telah bersetuju untuk menaja RM1.85 juta dalam bentuk tunai dan RM 2 juta dalam bentuk barangan termasuk tiket penerbangan. Rundingan dengan syarikat-syarikat yang lain akan diteruskan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian mempunyai Dana Khas bagi membantu penduduk di Sepanggar yang ingin terlibat dengan Homestay Desa; dan
- (b) apakah perancangan kementerian untuk membantu mempromosi beberapa tempat tarikan pelancongan di Sepanggar.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak menyediakan sebarang dana khas untuk membina rumah atau kawasan Homestay. Walau bagaimanapun, Kementerian amat mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan permohonan daripada mana-mana penduduk kampung di kawasan Sepanggar yang berminat untuk menyertai Program Pengalaman Homestay Malaysia ini secara sukarela. Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di antaranya mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah untuk satu kluster Homestay dan kawasan berkenaan mempunyai kemudahansampaian serta produk ataupun aktiviti pelancongan yang menarik.

Pulau Sepanggar didapati mempunyai potensi untuk dipromosikan bagi pasaran domestik dan juga pengunjung dari China, Korea dan beberapa negara Eropah, di antaranya ialah *skuba diving*, *discovery skuba diving*, *snorkeling*, berkayak, memancing dan aktiviti mendaki (*hiking* di Bukit Botak). Ketika ini, usaha promosi Pulau Sepanggar dibuat secara digital melalui platform sosial media Toursim Malaysia. Tourism Malaysia bersama Sabah Tourism Board akan turut mempromosikan Pulau Sepanggar melalui pameran-pameran dalam dan luar negara pada masa akan datang.

Bukit Gundul atau lebih dikenali sebagai Bukit Botak merupakan salah satu trek mendaki setinggi lebih kurang 200 meters merupakan tarikan yang berpotensi untuk dimajukan bagi produk yang terletak di sekitar Kota Kinabalu. Bukit Botak mula menjadi terkenal melalui gambar-gambar yang dimuat naik di laman sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan sebagainya. Lokasinya terletak lebih kurang 20 minit dari bandar Kota Kinabalu menjadikan ianya mudah dikunjungi terutamanya pelancongan domestik. Pendakian ke puncak mengambil masa lebih kurang 1 jam, sesuai untuk dijadikan aktiviti riadah di hujung minggu. Namun begitu, produk ini didapati masih lagi tidak mempunyai infrastruktur ataupun sebarang kemudahan awam untuk keselesaan pengunjung. Produk ini masih belum bersedia untuk dipromosikan melainkan ianya sudah dibangunkan sebagai salah satu produk pelancongan yang lengkap dengan beberapa kemudahan asas yang bersesuaian.

Kementerian ini akan terus aktif dalam memberikan bantuan, galakan dan promosi kepada semua pengusaha bidang pelancongan di seluruh negara demi memastikan industri pelancongan akan terus maju, selaras dengan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia iaitu menerima 36 juta pelancong dengan RM168 pendapatan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9621

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa masih ada lagi sarang-sarang pelacuran yang semakin berleluasa di Malaysia walaupun ada yang terletak berdekatan dengan balai polis dan apakah usaha pihak penguatkuasa dan kerajaan untuk membanteras atau adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menjadikan industri pelacuran sah di sisi undang-undang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelacuran merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan mengikut Seksyen 372 (menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan) dan Seksyen 373 (pengawalan rumah-rumah persundalan). Selain itu, ia termasuk juga di bawah kesalahan-kesalahan Imigresen seperti berikut:

- (i) Seksyen 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/1963 (warganegara asing bekerja tanpa permit yang sah dan melanggar syarat dalam Pas Lawatan Sosial);
- (ii) Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 (tiada pas perjalanan yang sah); dan
- (iii) Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1953 (tamat tempoh pas perjalanan).

Dalam memastikan aktiviti pelacuran ini tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutamanya untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu dan sindiket yang secara tidak langsung boleh menjejaskan imej negara seperti berikut:

- (a) mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengambil

tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;

- (b) mengadakan operasi-operasi dari semasa ke semasa ke atas tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai sarang-sarang pelacuran;
- (c) menyenaraihitamkan warganegara asing yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan pelacuran;
- (d) mengenal pasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* penyeludup yang membawa warganegara asing untuk dijadikan pelacur;
- (e) mengadakan kerjasama erat bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain bagi membendung aktiviti pelacuran;
- (f) menangkap dan mendakwa individu yang disyaki terlibat dengan kegiatan pelacuran dan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah; dan
- (g) menubuhkan pasukan khas dalam PDRM iaitu *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* bagi mengambil tindakan terhadap pelaku aktiviti-aktiviti maksiat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
KAWASAN : BAGAN SERAI
TARIKH BAHAS : 14 MAC 2017
NO. SOALAN : 32

YB Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Malaysia akan terkesan dengan perubahan lanskap ekonomi global ini dan apakah persediaan untuk menangani corak baru globalisasi berikutan perkembangan terkini di Amerika Syarikat yang bersifat "Reversal" mengutamakan "Amerika First" berkemungkinan besar akan merubah persekitaran global dan aliran pelaburan asing. Lebih-lebih lagi dengan kesan negatif Brexit yang menyaksikan penarikan UK dari EU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Landskap ekonomi global kini semakin mencabar. Tajuk-tajuk utama seringkali memaparkan kelembapan ekonomi dunia yang membawa kepada antara lain, agregat permintaan yang lemah, ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa, harga komoditi yang rendah, dasar ekonomi yang tidak menentu dan persaingan serantau yang lebih sengit. Di antara faktor-faktor luaran yang berada di luar kawalan Kerajaan Malaysia yang sedang berlaku kini di arena global termasuk dasar-dasar

luar dan ekonomi Amerika Syarikat berikutan pentadbiran baru Presiden Donald Trump serta Brexit ataupun penarikan UK dari EU.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa di sebalik ketidakpastian ekonomi dunia, ekonomi Malaysia terus berkembang 4.2 peratus pada 2016 (2015: 5.0 peratus). Sungguhpun prospek persekitaran luaran akan terus mencabar, Bank Negara Malaysia menjangka ekonomi Malaysia akan terus mencatat pertumbuhan yang mampan pada tahun 2017 pada 4.3 peratus. Malah, Bank Dunia melalui laporan "Global Economic Prospects" (10 Januari 2017) juga menjangkakan ekonomi Malaysia akan meningkat sehingga 4.3 peratus pada 2017 berikutan pelarasan harga komoditi dunia.

Seperti yang sedia maklum, Presiden Trump mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap polisi-polisi perlindungan berlandaskan slogan "America First" dan "Make America Great Again" yang memberi keutamaan terhadap memajukan ekonomi domestik.

Sungguhpun, dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh Presiden Donald Trump akan membawa beberapa perubahan dari segi hubungan ekonomi dua hala beberapa negara dengan A.S., corak baru globalisasi yang akan terbentuk akibat dasar perlindungan Presiden Donald Trump ini adalah masih sukar dijangka. Ini kerana pentadbiran Presiden Donald Trump belum mengumumkan dasar perdagangan yang jelas, malah ahli-ahli kabinet perdagangan yang penting seperti USTR Robert Lighthizer masih belum disahkan oleh Dewan Senat Amerika Syarikat (setakat 6 Mac 2017).

Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang kukuh. Prestasi perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat kekal kukuh pada 2016 walaupun ekonomi dunia mengalami ketidakpastian. A.S. adalah rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia pada tahun 2016, dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.88 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.3 peratus.

Di rantau ASEAN, A.S. merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia. A.S. juga destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia pada 2016. Selain ini, A.S. merupakan pelabur asing kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak USD21 bilion dengan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 282,408 setakat September 2016.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan terus menggiatkan usaha-usaha promosi perdagangan dan pelaburan ke A.S. serta mengadakan perbincangan dengan pelabur-pelabur dan ahli-ahli perniagaan yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai sumber utama import dan destinasi pelaburan mereka.

Pada masa yang sama, MITI akan terus memantau dasar-dasar perdagangan Amerika Syarikat yang berkaitan dan akan berusaha mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia ada untuk menjamin kepentingan Malaysia. Ini termasuk melalui pejabat luar MITI di Washington yang akan terus memantau dan menganalisa impak dari dasar-dasar baru pentadbiran Amerika Syarikat yang masih belum jelas.

Tuan Yang di-Pertua

Berhubung penarikan UK dari EU pula, adalah masih terlalu awal bagi memutuskan bahawa akan terdapat kesan-kesan negatif akibat Brexit. Ini adalah kerana proses Brexit masih di peringkat yang awal lagi dan dijangka akan mengambil masa lebih dari dua tahun.

Proses keluar daripada Kesatuan Eropah akan bermula pada Mac 2017 selepas permohonan rasmi di bawah Perkara 50 Perjanjian Lisbon dimulakan oleh UK. Dalam tempoh itu, UK dan Kesatuan Eropah perlu menetapkan syarat-syarat proses keluar termasuk mengenai hubungan dagang dan ekonomi.

Sebenarnya, keputusan UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah hanya akan memberi impak minimum kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia. Asas yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik untuk menghadapi sebarang ketidakpastian.

UK adalah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Kesatuan Eropah dan sumber pelaburan kelapan terbesar daripada luar negara.

Pada tahun 2016, perdagangan Malaysia dengan UK berjumlah RM15.29 bilion atau 1.0 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia. Nilai dagangan Malaysia dengan UK menguncup 7 peratus berbanding RM16.5 bilion pada 2015. Eksport berjumlah RM8.74 bilion, iaitu pengurangan 6.2 peratus manakala import turut berkurangan sebanyak 6.2 peratus iaitu berjumlah RM6.55 bilion. Lebihan dagangan masih memihak kepada Malaysia sebanyak RM2.19 bilion.

Bagi memastikan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan UK bertambah kukuh, MITI dan MATRADE secara berterusan akan menganjurkan aktiviti promosi produk dan perkhidmatan Malaysia di negara tersebut. Ia penting kerana Brexit akan mewujudkan ruang perniagaan yang lebih luas untuk syarikat-syarikat Malaysia. UK yang secara tradisinya bergantung kepada EU sebagai sumber perkhidmatan dan produk mereka, boleh beralih kepada Malaysia sebagai Negara baru untuk membekalkan produk dan perkhidmatan (*outsourcing of services*) tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BARU]

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menstrukturkan semula unit Jabatan Peguam Negara (AG), Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diletakkan kembali di bawah pentadbiran dan kuasa Parlimen bagi tujuan pemantapan yang lebih baik serta memastikan terdapatnya perbezaan kuasa eksekutif dan Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa dan fungsi agensi-agensi sepertimana yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan lunas undang-undang yang sedia ada. Sebarang perubahan penstrukturan semula mana-mana Jabatan atau agensi Kerajaan memerlukan kajian yang lebih mendalam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' DR. NIK MAZIAN
BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesan terhadap para pelajar Malaysia luar negara hingga kini apabila Kerajaan menghentikan kemudahan biasiswa dan pinjaman.

**JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih meneruskan penajaan kepada 7,897 pelajar yang sedang menuntut di luar negara dengan peruntukan sebanyak RM1.208 bilion.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 35

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph
Pairin Kitingan [Keningau]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

**SOALAN : (Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph
Pairin Kitingan) minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan benarkah ada penjualan
beras tiruan yang diperbuat daripada
plastik dan kalau benar adakah beras
tiruan itu telah menembusi pasaran di
Malaysia dan apakah tindakan
Kementerian dalam menangani masalah
ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius perkara yang telah tular di dalam media sosial. Justeru itu, satu siasatan dan pemantauan ke atas penjualan beras tiruan yang diperbuat daripada plastik telah dijalankan ke atas pemborong dan peruncit. Hasil siasatan mendapati jenama-jenama yang tular tersebut tiada dalam pasaran negara. Selain itu, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) selaku pengimport beras negara juga turut mengesahkan tiada beras campuran plastik tersebut telah dibawa masuk.

Sebagai langkah kawalan berterusan, Kementerian akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan(KPDNKK), Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kimia bagi memantau perkara ini. Kementerian juga mengalu-alukan aduan dibuat secara terus bagi siasatan yang terperinci. Sehingga kini, pihak Kementerian telah menerima tiga (3) aduan berkenaan beras yang diperbuat daripada plastik namun apabila siasatan dijalankan beras-beras tersebut adalah merupakan beras tulen yang selamat dimakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan janji beliau yang mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan akan memulangkan kuasa autonomi Sarawak yang di bawah Perjanjian Malaysia 1963 dalam pilihan raya kecil Tanjong Datu. Senaraikan kuasa-kuasa yang akan dipulangkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2015 di Kuching pada bulan Ogos 2015 yang lalu telah mengumumkan untuk lebih banyak kuasa pentadbiran membabitkan jabatan dan agensi persekutuan bakal diserahkan kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam usaha merangsangkan pembangunan di kedua-dua negeri ini.

Seterusnya, perincian utama pemberian autonomi atau penurunan kuasa (*empowerment*) kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada 16 September 2015 yang melibatkan penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Pelaksanaan penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat tersebut adalah berdasarkan ketetapan-ketetapan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dan akan tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran tanpa melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang Negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Negeri dan Bersama.

Dalam hal ini, pemberian penurunan kuasa secara pentadbiran sedang diteliti dengan terperinci oleh Jawatankuasa Bersama

Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa Bersama ini ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi penurunan kuasa secara pentadbiran kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dilaksanakan berpandukan kepada hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Negeri itu dan bersetuju bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuk dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri itu, suatu mesyuarat yang dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan YB Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 13 Jun 2016. Mesyuarat telah membincangkan mengenai pelaksanaan *devolution of authority* kepada kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan telah membentuk Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal untuk tujuan ini. Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan tersebut dianggotai oleh wakil kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan. Memandangkan rundingan sedang giat dijalankan dan belum dimuktamadkan, butiran terperinci mengenai Mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum.

Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Ini menunjukkan bahawa ruang untuk menyuarakan apa-apa isu yang berbangkit sentiasa terbuka bagi rakyat Negeri Sabah dan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mengadakan rundingan dan perbincangan demi kepentingan rakyat Negeri Sabah dan Sarawak secara amnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 14.03.2017 (SELASA)

SOALAN : 37

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak SPRM melaksanakan operasi besar-besaran ke atas pelaku-pelaku kesalahan rasuah, nyatakan bilangan kes besar melibatkan pegawai atasan dan tokoh politik yang ditangkap, didakwa dan dilepaskan tanpa dakwaan sepanjang 2016 hingga sekarang.

JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah dengan adil tanpa pilih kasih, kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM mengambil tindakan tegas yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam rasuah seperti yang diperuntukkan dalam Akta SPRM 2009.

Pada tahun 2016, sebanyak 985 Kertas Siasatan telah dibuka. Untuk makluman Yang Berhormat maklumat ini boleh didapati dengan melayari di laman web www.sprm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 14 MAC 2017
[SELASA]
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]

SOALAN :-

YB. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah unit rumah kos rendah yang sedang dan akan dilaksanakan dalam tahun semasa dan apakah inisiatif Kementerian untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah bagi memiliki rumah kediaman; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan terperinci untuk menaik taraf peralatan dan sistem kebakaran terutama di kawasan Bintulu seperti enjin bomba dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menempatkan helikopter untuk kegunaan pihak bomba dan penyelamat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga 20 Februari 2017, Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 118 projek yang merangkumi 83,380 unit rumah di seluruh Negara dan sebanyak 33 projek yang meliputi 14,334 unit rumah PPR masih dalam pembinaan manakala 29 projek yang merangkumi 10,373 masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 projek telah disiapkan di Negeri Sarawak meliputi 3,521 unit rumah termasuklah 1 projek di kawasan Parlimen Bintulu iaitu PPR Kemena yang telah siap pada tahun 2013 melibatkan 1,000 unit rumah PPR. Selain itu sebanyak 2 projek merangkumi 619 unit rumah PPR sedang dalam pembinaan di Negeri Sarawak dan 4 projek PPR iaitu 1,293 unit rumah masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

Bagi perancangan semasa, Kementerian bercadang untuk memasukkan cadangan projek PPR Bintulu, di dalam *Rolling Plan* Ketiga (tahun 2018), RMKe-11.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah bagi memiliki rumah kediaman dan langkah yang secara tidak langsung yang turut membantu dalam kawalan harga rumah di pasaran termasuklah :

- i. Memperjelas definisi sebenar Rumah Mampu Milik (RMM) dengan menetapkan harga siling jualan RMM kepada RM300,000 seunit sebagai panduan kepada pembeli dan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan negara;
- ii. Meningkatkan bekalan rumah mampu milik dalam pasaran melalui sasaran penyediaan 1 Juta RMM menjelang tahun 2018. Langkah ini sedang dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan Persekutuan seperti PR1MA, SPNB, PPA1M, JPN; agensi-agensi Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Langkah ini dijangka akan

dapat memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli untuk mencari rumah yang bersesuaian dengan tahap kemampuan masing-masing;

- iii. Memperkenalkan pelbagai skim pembiayaan bagi memudahkan pemilikan rumah, khususnya RMM, seperti Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome), Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Pinjaman Perumahan (SPP), Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB) dan lain-lain lagi; dan
- iv. Mewujudkan mekanisme penjualan RMM berharga di bawah RM300,000 seunit yang terhad kepada pembeli rumah pertama termasuk kepada golongan belia;

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Bintulu pada masa ini mendapat perlindungan kebombaian dari tiga (3) buah balai bomba iaitu :

- i. Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu,
- ii. Balai Bomba dan Penyelamat Samalaju ; dan
- iii. Balai Bomba dan Penyelamat Tatau.

Ketiga-tiga balai bomba berkenaan dilengkapi dengan jentera pemadaman dan penyelamatan yang bersesuaian. Pada tahun 2016, peralatan kebombaian di kawasan Bintulu telah dinaik taraf dengan penempatan dua (2) buah jentera khas *Hazardous Material (Hazmat)* bagi menangani insiden bahan kimia berbahaya. Kementerian juga merancang untuk menempatkan sebuah jentera bertangga yang baru jenis *Arial Ladder Platform (ALP)* pada tahun 2018 di Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu bagi pemadaman bangunan tinggi.

Manakala bagi penempatan helikopter, Kementerian belum bercadang untuk menempatkan helikopter di Bintulu memandangkan sejak tahun 2013, dua buah helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia jenis Mi-17 telah ditempatkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Miri dan telah melaksanakan banyak operasi pemadaman serta penyelamatan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak. Sekiranya terdapat kecemasan di Bintulu yang memerlukan bantuan melalui udara, helikopter tersebut akan diterbangkan ke Bintulu yang mengambil masa 55 minit dari Miri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO A/L R.
SANTIAGO

TARIKH: 14 MAC 2017

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago a/l R. Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki imej selepas laporan oleh "*The Guardian*" yang melaporkan situasi pekerja asing yang dihambakan di Malaysia. Adakah Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan.

PR-1351-L00512

untuk dilindungi di Rumah-rumah Perlindungan yang digazetkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan seterusnya menjalankan pendakwaan terhadap majikan melalui peruntukan perundangan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007(Akta 670) terutamanya berkaitan penggajian pekerja secara paksa dan melibatkan perhambaan.

4. Kementerian juga sentiasa menitikberatkan mengenai penguatkuasaan terutamanya dalam menangani isu bayaran gaji, kebebasan individu, persekitaran tempat kerja dan tempat tinggal, keganasan fizikal, pemerdayaan, penipuan dan ekplotasi seks. Kementerian juga telah menganjurkan satu bengkel dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada April 2015 bagi membincangkan isu-isu *Forced Labour Issues and Labour Dimensions of Anti-Trafficking in Persons*. Bengkel ini telah dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja di Malaysia.

5. Selain itu, Kementerian dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, menganjurkan kursus pada Jun 2015 bagi memantapkan kefahaman dan kebolehan pegawai-pegawai penguatkuasaan dan pendakwaan dalam mengendalikan kes-kes pemerdagangan manusia (*Trafficking In Persons*). Di antara kursus-kursus yang dianjurkan adalah seperti berikut:-

dan menyeluruh terhadap sebarang isu yang timbul, dan sekiranya terdapat unsur-unsur yang disyaki mempunyai elemen buruh paksa, mangsa akan diselamatkan dan dilindungi di Rumah Perlindungan yang digazetkan, dan mendakwa majikan/ejen yang terlibat dalam kegiatan buruh paksa tersebut.

7. Penguatkuasaan Akta Anti Pmerdagangan Orang 2007 (AKTA 670) dikuatkuasakan pada 25 Julai 2008 untuk membasmi masalah pmerdagangan orang (warganegara dan bukan warganegara) di negara ini secara holistik yang merangkumi aspek pendakwaan dan pencegahan. Akta ini dipinda dengan menambahkan bidang kuasa pelaksanaan ATIP 2007 dengan penyeludupan migran. Akta ini memperuntukkan kesalahan-kesalahan pmerdagangan orang dan penyeludupan migran. Perlindungan dan bantuan kepada mangsa pmerdagangan, penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) dan hal-hal yang berkaitan dengannya selaras dengan Garis Panduan Perlindungan Antarabangsa UNHCR Protokol (PALEMOR Protocol).

8. Pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah diwartakan di bawah seksyen 2 (e) AKTA 670 sebagai salah satu daripada lima agensi untuk menguatkuasakan Akta ini terutamanya berkaitan '*exploitation*' dan '*forced labour*' termasuklah kuasa penangkapan dan perlindungan mangsa pmerdagangan orang dan penyeludupan migran.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

DATO' DR. HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi melestarikan alam sekitar dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menghentikan penggunaan beg plastik serta mewajibkan semua peniaga menyediakan alternatif alat pembungkusan lain sebagai contoh beg kertas sebagai pilihan kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) memainkan peranan yang penting dalam usaha ke arah melestarikan alam sekitar. Selaras dengan dasar Tranformasi National 2050 (TN50) dan objektif *2030 Agenda For Sustainable Development Goals (SDG)* berikut adalah peranan dan perancangan yang telah dan sedang dijalankan:

i) Penggubalan Dasar dan Perundangan

Bagi memastikan dasar dan instrumen perundangan sedia ada relevan dengan komitmen negara dan perkembangan semasa maka JAS sedang menggubal Akta Kualiti Alam Sekeliling baharu bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974), semakan semula Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PKAS) sedia ada selain penggubalan peraturan-peraturan baharu, menyemak dan mengemaskinikan dasar dan prosedur pembangunan projek-projek berimpak tinggi khususnya aktiviti penambakan laut dan kemaskini semula Dasar Alam Sekitar Negara 2002 (DASN 2002).

ii) Tranformasi Penguatkuasaan Peraturan

Matlamat dan halatuju terkini adalah mengadakan transfomasi aktiviti penguatkuasaan ke arah melahirkan generasi komuniti yang terkawal menerusi pematuhan sendiri atau *Guided Self-Regulation (GSR)* dalam mengarusperdanakan alam sekitar (*environmental mainstreaming*). Ini bermaksud kepentingan alam sekitar dipermudahcarakan, diserap, diterap dan diintegrasikan dalam semua aspek pengurusan dan implementasi sesuatu projek, program atau aktiviti oleh industri dan *stakeholder*. Sebagai pemangkinan ke arah pelaksanaan GSR yang lebih efektif, maka 13 elemen *environmental mainstreaming tools (EMT)* diperkenal terutama mewajibkan persijilan orang yang berwibawa atau *competent person and qualified person*.

Penambahbaikan konsep pengurusan buangan bahan toksik dan berbahaya bagi mencapai kelestarian tapak-tapak buangan selamat dengan mengutamakan prinsip 3R iaitu *reuse, recovery* dan *recycle* serta mempromosikan kaedah *co-processing*. Menjadikan aktiviti pengurusan e-Waste sebagai *signature* Jabatan ke arah pelaksanaan 3R di samping meningkatkan amalan industri hijau dan pengeluaran bersih di kalangan industri kecil dan sederhana.

Penguatkuasaan dan pemantauan isu pencemaran alam sekitar secara bersepadu menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru

Kebangsaan (NBOS), penurunan kuasa dan *empowerment* serta pemakaian *Integrated Standard Operating Procedure (iSOP)*.

iii) **Pengawasan Kualiti Alam Sekitar**

Peningkatan kualiti bahan api ke arah EURO 5 menjelang tahun 2025 bagi kedua-dua bahan api diesel dan petrol khususnya untuk kegunaan sektor kenderaan bermotor serta kualiti bahanapi khususnya minyak diesel bagi penggunaan sektor industri.

Penambahan bilangan rangkaian stesen dan penambahbaikan teknologi serta parameter pengawasan kualiti alam sekitar menerusi *National Environmental Quality Monitoring Programme (NEQMP)* mulai 14 April 2017 terutama pengukuran kualiti udara bagi saiz partikulat PM2.5.

iv) **Penyertaan Aktif Isu Alam Sekitar Antarbangsa, Serantau dan Dua Hala**

Memantau dan melaksanakan komitmen Kerajaan sebagai parti kepada Protokol Montreal, Protokol Kyoto dan Konvensyen Basel; selain meratifikasikan Konvensyen Rotterdam, Konvensyen Minamata dan Konvensyen Stockholm.

Penglibatan aktif dalam isu pengurusan alam sekitar serantau di peringkat ASEAN khususnya dalam pencemaran minyak marin

seperti *Revolving Fund Committee (RFC)* dan *ASEAN Cooperation Mechanism for Joint Oil Spill Preparedness and Response* serta memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Jerebu Peringkat ASEAN.

Perkongsian maklumat di bawah platform *Malaysia Singapore Joint Committee of Environment (MSJCE)* terutama penyelesaian isu penambakkan laut di Selat Johor.

v) **Program Kesedaran Awam, Pendidikan dan Komunikasi**
(Communication, Education & Public Awareness, CEPA)

Semakan dan penambahbaikan pelaksanaan program kesedaran alam sekitar berimpak tinggi seperti Hari Alam Sekitar Negara, Rakan Strategik Alam Sekitar, Rakan Alam Sekitar, Anugerah Industri Hijau, Hari Ozon Sedunia dan Sekolah Lestari.

Penglibatan secara aktif ahli-ahli MEXCO Kerajaan Negeri dan ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling (EQC) sebagai platform menasihati/pelaksana ketetapan dasar serta penglibatan terus dalam aktiviti pengurusan alam sekitar Negara.

vi) **Pembangunan Modal Insan**

Mengarusperdanakan pembangunan modal insan dengan mempertingkatkan program pensijilan kompetensi kepada pegawai-pegawai Jabatan kerajaan, industri dan komuniti bumiputra.

NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9622

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mewajibkan orang India dengan "nama Hindu" untuk mempunyai imbuhan "A/L" atau "A/P" dengan nama bapa mereka dalam nama penuh sendiri, dan jika benar, kewajaran untuk kewajipan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan perkataan “A/L” (singkatan bagi “anak lelaki kepada”) atau “A/P” (singkatan bagi “anak perempuan kepada”) semasa mendaftarkan kelahiran bagi kanak-kanak yang berketurunan India telah menjadi kelaziman dan amalan kaum India di Malaysia. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak mewajibkan penggunaan perkataan “A/L” atau “A/P” semasa mendaftarkan kelahiran. Menurut prosedur semasa, JPN mendaftarkan maklumat kelahiran individu berdasarkan borang permohonan dan draf awal Sijil Kelahiran yang telah disahkan serta ditandatangani oleh pemohon sebelum sijil sebenar dikeluarkan. Dalam hal ini, sekiranya pemohon tidak mahu menggunakan perkataan “A/L” atau “A/P”, JPN akan meminta ibu bapa kandung, penjaga atau pemaklum membuat perakuan untuk tidak menggunakan perkataan “A/L” atau “A/P” bagi nama anak mereka.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : (Datuk Koh Nai Kwong) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pertimbangan kementerian untuk membuka lebih penyertaan permohonan lesen import (AP) beras bagi memberi peluang penyertaan kepada lebih ramai pengusaha tempatan di samping memenuhi permintaan pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa kini, PadiBeras Nasional (BERNAS) telah diberi hak sebagai pengimport beras tunggal melalui Perjanjian Konsesi BERNAS dengan Kerajaan Malaysia. Pemberian hak pengimportan beras kepada BERNAS juga diiringi dengan tugas dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh BERNAS sebagaimana terma-terma yang ditetapkan dalam Perjanjian tersebut. Justeru, Kerajaan tidak bercadang untuk membuka penyertaan permohonan lesen import (AP) beras kepada pengusaha lain.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuka peluang kepada pengusaha tempatan untuk terlibat di sepanjang rantai industri pengedaran padi dan beras di dalam negara. Sebagai contoh, pada masa ini terdapat 158 pengilang, 1,341 pemborong dan 42,011 peruncit di seluruh Malaysia yang terlibat dalam industri padi dan beras ini.

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.
MURUGESON [IPOH BARAT]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 43

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) mengenai perubahan yang dicadangkan kepada Akta Pengangkutan Jalan untuk mengawal had umur dan kelas kenderaan untuk memandu; dan
- (b) bilakah insurans liabiliti penumpang diwajibkan untuk semua kenderaan. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengubah atau mengawal had umur dan kelas kenderaan untuk memandu. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 39 Akta Pengangkutan Jalan 1987, had umur bagi penunggang motosikal adalah 16 tahun dan ke atas, motokar pula bermula 17 tahun dan ke atas. Manakala kenderaan berat bermula 21 tahun dan ke atas.

- b) Berhubung dengan cadangan mewajibkan Insurans Perlindungan Liabiliti Penumpang terhadap semua kenderaan, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Bank Negara. Peruntukan sedia ada di bawah Seksyen 90(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 hanya menetapkan bahawa sesebuah kenderaan yang hendak digunakan di atas jalan raya hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai perlindungan insurans terhadap risiko pihak ketiga atau *third party insurance risk*. Perkara ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa adanya jaminan perlindungan terhadap risiko pihak ketiga akibat penggunaan sesuatu kenderaan.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN :LISAN

**DARIPADA :DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH – BN]**

TARIKH :14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan persediaan yang sedang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan Sukan SEA di Kuala Lumpur antara yang paling cemerlang.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah pun melaksanakan berbagai langkah dalam usaha kita menjadikan pengelolaan Sukan Sea 2017 atau dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017 antara yang terbaik pernah dikelolakan. Kuala Lumpur 2017 melibatkan 2 temasya utama iaitu Sukan SEA ke-29 yang akan berlangsung pada 19 hingga 31 Ogos 2017 manakala Sukan Para ASEAN ke-9 pula akan berlangsung pada 17 hingga 23 September 2017.
2. Sebuah Jawatankuasa Pengelola telah ditubuhkan yang dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan dengan keanggotaan 16 jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab kepada aspek-aspek penganjuran yang penting seperti makan, penginapan, pengangkutan, sukan dan teknikal, perubatan dan anti doping, dan lain-lain lagi. Sebanyak 38 sukan melibatkan 405 acara yang akan dipertandingkan di mana sukan pelayaran akan dikelolakan di Langkawi manakala acara kuda lasak akan dikelolakan di Lembah Bidong, Setiu, Terengganu. Sukan dan acara yang lain akan dipertandingkan di Lembah Klang.
3. Semua jawatankuasa kecil termasuk Jawatankuasa Pengelola Tempatan (LOC) Langkawi dan Terengganu telah pun melaksanakan tindakan di bawah jawatankuasa masing-masing seperti yang dirancangkan. Jawatankuasa Penganjur Malaysia (MASOC) Kuala

SULIT

Lumpur 2017 yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Zolkples Embong (mantan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara) dengan pegawai dan anggota sepenuh masa yang mula beroperasi pada Januari 2015 bertanggungjawab memastikan semua aspek penganjuran diberikan sepenuh tumpuan.

4. Jawatankuasa Sukan dan Teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Amat Mulia Tunku Tan Sri Imran ibni al-Marhum Tuanku Ja'afar al-Haj, Presiden Majlis Olimpik Malaysia telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dengan semua 38 persatuan sukan yang terlibat di dalam memastikan segala aspek yang berkaitan seperti penyediaan buku panduan teknikal, pegawai pertandingan, jadual serta peralatan pertandingan dilaksanakan mengikut keperluan.
5. Selain daripada itu, KBS yang bertanggungjawab kepada penyediaan kemudahan dan venue telah membuat segala persiapan untuk memastikan semua venue pertandingan disempurnakan di dalam usaha untuk menjadikan pertandingan bagi temasya ini berjalan dengan baik dan teratur.
6. Semua venue dibahagikan kepada lima kluster utama iaitu:
 - a) KL Sports City menyediakan venue untuk sukan olahraga, bola sepak, badminton, akuatik, hoki, squash selain daripada upacara perasmian dan penutup.

SULIT

- b) Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) menyediakan venue untuk sukan wushu, karate, silat, taekwondo, judo, billiard dan snuker.
- c) Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MiTEC) menyediakan venue untuk sukan angkat berat, gimnastik artistik / gimrama, bola tampar, tinju, muay, hoki dewan, ping pong dan lawan pedang.
- d) Putrajaya menyediakan venue untuk sukan ski air, polo berkuda, triathlon, *open water swimming*, berbasikal lebuhraya dan berbasikal trek (Velodrom Nilai).
- e) *Dedicated* venue yang lain untuk sukan-sukan seperti golf, tenis, bola keranjang, lawn bowl, pentaque dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK WIRA HAJI AHMAD
BIN HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangkis proses Chinafication of Malaysia yang dimomok-momokan sedang berlaku di negara kita.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang cukup baik dan China merupakan antara rakan dagang utama dan terbesar Malaysia sejak tahun 2009 sehingga kini. Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka dan rakan dagang utama yang sentiasa menggalakkan pelaburan dari semua sumber menerusi pelaburan terbuka serta dasar perdagangan yang mesra pelabur, termasuk daripada RRC.

Pada tahun 2014, Malaysia dan RRC telah menyambut ulang tahun ke-40 hubungan diplomasi. Pada tahun yang sama, hubungan kerjasama antara Malaysia dan RRC telah dinaiktaraf kepada Perkongsian Komprehensif Strategik (*Comprehensive Strategic Partnership*). Peningkatan nilai dagangan antara RRC dan Malaysia bertambah saban tahun. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pada tahun 2016 adalah bernilai RM240.91 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2015. Dari jumlah ini, eksport bernilai RM98.56 bilion dan import berjumlah RM142.35 bilion. Lawatan rasmi delegasi YAB Perdana Menteri ke RRC pada hujung Oktober 2016 telah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala, dan juga keberhasilan serta pencapaian boleh dihitungkan (tangible results) yang merangkumi pelbagai perspektif. Semasa lawatan tersebut, 14

memorandum/ perjanjian usahasama B2B (business-to-business) telah ditandatangani bernilai RM144 bilion.

Mengenai pandangan negatif yang diberikan sesetengah pihak dalam negara terhadap perkembangan terkini dari segi hubungan ekonomi Malaysia-China, dan sangkaan liar bahawa Malaysia telah dijual kepada negara China adalah tidak berasas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN JULIAN TAN KOK PING**
[STAMPIN]

TARIKH : **14 MAC 2017**

SOALAN : **Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan pendirian Kerajaan dalam isu
persempadanan di perairan Laut China
Selatan oleh negara China yang
mencangkumi lautan di perairan Sarawak.
Minta penjelasan secara terperinci
kewujudan jenis Kapal kepunyaan Negara
China yang berada di lautan perairan
Sarawak tanpa kebenaran. Sejak bilakah
kes demikian wujud serta statusnya
sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Stampin di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung **tuntutan bertindih** di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua **tuntutan dan penyelesaiannya** melalui rundingan dan sebagainya mestilah **berdasarkan undang-undang antarabangsa** termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982.**

6. Malaysia juga berpendirian bahawa **tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration***

on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) pada 4 November 2002.

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Berhubung dengan kehadiran dan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa kehadiran dan penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

13. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau dengan izin, *freedom of navigation* kepada

kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

14. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

15. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

16. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan Kerajaan tidak membawa kertas siasatan SRC International (SRC) yang telah dikemukakan oleh SPRM ke mahkamah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk mendakwa atau tidak merupakan kuasa mutlak Peguam Negara menurut Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Kuasa dan budi bicara itu diberikan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya oleh undang-undang tertinggi negara. Apa-apa keputusan untuk mendakwa atau tidak, akan dibuat oleh Peguam Negara setelah membuat penelitian yang mendalam ke atas keseluruhan fakta dan keterangan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mempengaruhi atau memberikan apa-apa arahan kepada Peguam Negara berkenaan dengan keputusan itu.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN
BAKRI [KUDAT]**

TARIKH : 14.3.2017 (SELASA)

SOALAN : 48

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan setakat manakah kehadiran
FELCRA Berhad dan Projek Agropolitan di Pulau
Banggi telah memberi manfaat kepada peserta.
Apakah kejayaan projek penanaman komoditi getah
tersebut mencapai matlamat seperti yang diharapkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Agropolitan di Pulau Banggi dilaksanakan dalam 2 fasa pembangunan dan melibatkan tanah seluas 1,800 hektar. Pelaksanaan projek ini meliputi 3 komponen utama iaitu pembukaan ladang sejahtera, pembinaan petempatan dan pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad.

Pelaksanaan projek bagi Fasa 1 telah berjaya membina 100 unit rumah, menyediakan infrastruktur asas seperti surau, tadika, Medan Infodesa (MID), Jalan Dalam Penempatan dan Projek Ameniti Sosial seperti penyambungan bekalan air dan elektrik yang telah memberi manfaat kepada 500 orang penduduk. Selain itu kemudahan prasarana lain juga telah dibina seperti pembinaan Jalan Luar Bandar (JALB) Fasa 1 dari Pekan Karakit ke Kg. Limbuak Darat sepanjang 18km, pembinaan JALB Fasa 2 dari Kg. Kapitangan ke Dogoton sepanjang 25km serta pembinaan Projek Jalan Kampung (PJK) menghubungkan Kg. Limbuak, Kg. Padang dan Kg. Damaran.

Bagi projek Fasa 2 pula, pembinaan 100 unit rumah, kerja perparitan dan kawalan cerun sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Julai 2017. Selain itu, bagi menyokong dan memudahkan kegiatan sosioekonomi penduduk, pembinaan jalan ke Jeti Timbang Dayang dan projek jalan dari Jambatan Kapitangan ke SK Kapitangan sejauh 3.4km juga sedang dalam pembinaan.

Untuk projek Ladang Sejahtera, kerja-kerja penanaman pokok getah bagi Fasa 1 dan Fasa 2 seluas 1,300 hektar telah siap dilaksanakan dan sehingga kini pihak FELCRA Berhad sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan. Daripada jumlah tersebut, hanya 273 hektar iaitu 39% daripada keseluruhan Fasa 1 boleh ditoreh dan dijangka meningkat kepada 378 hektar (54%) pada tahun 2017 manakala 46% lagi dijangka boleh ditoreh secara berperingkat sehingga tahun 2020. Pembukaan ladang sejahtera ini telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di Agropolitan Pulau Banggi ini dan sehingga kini seramai 126 peserta yang terdiri daripada penduduk Pulau Banggi telah diambil bekerja di ladang ini.

Terdapat isu-isu kelewatan untuk torehan disebabkan oleh faktor tanah yang tidak subur dan Kementerian ini telah merancang dengan aktiviti ternakan lembu integrasi dan tanaman rumput napier bagi membantu meningkatkan pendapatan penduduk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini juga sedang melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan melalui kerjasama di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) misalnya dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah program *My Kampung My Future* (MKMF) yang mana Pulau Banggi telah terpilih sebagai lokasi ke 11 bagi program MKMF ini. Program ini membabitkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian berimpak tinggi yang seterusnya boleh menjana pendapatan tambahan kepada penduduk.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI
DATO' MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]
TARIKH : 14 MAC 2017
NO. SOALAN :

YB Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status proses menjadikan Hospital Kuala Kangsar sebagai hospital kluster kepada Hospital Taiping.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hospital Kluster antara Hospital Kuala Kangsar dan Hospital Taiping telah bermula dengan peningkatan lawatan pakar dari Hospital Taiping bagi memudahkan akses penduduk tempatan kepada perkhidmatan kepakaran. Pada masa ini terdapat sembilan (9) kepakaran yang dijalankan oleh pakar-pakar dari Hospital Taiping.

Senarai kepakaran adalah Perubatan Am, Otorhinolaringologi, Psikiatrik, Perubatan Respiratori, Obstetrik dan Ginekologi, Perubatan Kecemasan, Radiologi, Pediatrik, Ortopedik dan Nefrologi.

Kekerapan lawatan merangkumi satu kali sebulan hingga empat (4) kali sebulan bergantung kepada jenis kepakaran. Di samping itu, pesakit turut dirujuk ke hospital ini bagi mendapatkan rawatan pakar sekiranya perlu.

Bagi memperkukuhkan lagi akses kepada perkhidmatan kepakaran, pakar pakar dari Hospital Raja Perempuan Bainun Ipoh, Hospital Ulu Kinta dan Royal College of Medicine Perak juga turut terlibat dalam menyediakan khidmat lawatan pakar bagi kepakaran Perubatan Am, Pembedahan Am, Oftalmologi, Psikiatrik, Obstetrik dan Ginekologi, dan Pediatrik. Dengan ini Hospital Kuala Kangsar menerima sebanyak 13 perkhidmatan kepakaran secara keseluruhan.

Bagi memastikan kelancaran inisiatif pelaksanaan kluster, kekerapan lawatan pakar akan dipertingkatkan dan pembangunan fasiliti akan dibangunkan secara berperingkat bergantung kepada peruntukan kewangan semasa.

SOALAN NO: 50

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]

TARIKH : 14 Mac 2017

**SOALAN : Prof. Dr. Ismail Bin Daut minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan harga ikan dan sayuran dapat dikawal apabila tibanya musim tengkujuh di negara ini yang dilihat semakin mendadak sekarang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam memastikan harga ikan dan sayuran dapat dikawal apabila tiba musim tengkujuh telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(1) **Sekatan Eksport Bagi Spesies Ikan Terpilih**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan pasca perayaan dan musim tengkujuh di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010.

Sekatan eksport ini dilaksanakan selama 6 bulan iaitu 3 bulan pertama sepanjang bulan puasa dan hari raya aidilfitri serta 3 bulan seterusnya sepanjang tahun baru cina dan musim tengkujuh.

Kriteria spesies ikan yang disekat semasa musim perayaan dan musim tengkujuh adalah merangkumi spesies yang mendapat permintaan yang tinggi dari rakyat tempatan seperti kembung, selar, pari, cencaru, selayang dan tongkol manakala semasa perayaan tahun baru cina spesies ikan seperti bawal putih serta udang putih besar adalah disekat. Spesis-spesies ikan ini tidak dibenarkan untuk dieksport secara segar atau basah. Perlaksanaan sekatan eksport ini bertujuan memastikan bekalan ikan yang mencukupi bagi rakyat tempatan pada harga yang berpatutan serta menjamin bekalan stok ikan dalam negara mencukupi ekoran daripada permintaan yang tinggi pada musim tengkujuh dan perayaan.

(2) **Stok Simpanan Ikan Sejuk Beku**

Sebanyak 3 buah persatuan nelayan iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD) dan Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PNK Besut) diberi tanggungjawab untuk menjadi pusat simpanan ikan segar sejuk beku.

Stok simpanan ikan sejuk beku sedia ada sebanyak 145 metrik tan ini mampu menampung bekalan ikan bagi kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Di antara spesies ikan yang terdapat di stok simpanan adalah kembong, selayang, cencaru, selar dan pelaling yang merupakan antara 20 spesies pilihan rakyat Malaysia.

(3) **Program Q'Fish**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia turut memperkenalkan Program Q'Fish bagi menggalakkan pengguna memilih ikan segar sejuk beku sebagai alternatif kepada ikan segar basah yang sukar diperolehi semasa musim tengkujuh.

Program Q'Fish ini menawarkan bekalan ikan sejuk beku dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Selain itu, program ini turut menggalakkan gaya hidup sihat melalui pemakanan ikan segar beku sebagai sumber protein utama, meningkatkan permintaan ikan segar beku melalui kaedah promosi dan rangkaian pemasaran yang efisien serta meningkatkan bilangan penglibatan usahawan pemasaran ikan bagi mewujudkan pasaran hasil tangkapan ke arah yang lebih berpotensi.

(4) **Stok Simpanan Bekalan Makanan**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA akan mengimport 9 komoditi terpilih ketika musim tengkujuh bagi membekalkan sayur-sayuran segar terpilih kepada pasaran dengan harga yang kompetitif. Pada masa yang sama bekalan tersebut juga dapat membantu harga sayur-sayuran di pasaran. 9 komoditi terpilih tersebut adalah kubis, cili merah, tomato, bawang besar, bawang ros, kelapa, lobak merah, halia dan kentang. FAMA akan mengedarkan dan mengimbangi bekalan tersebut melalui 40 pusat operasi FAMA di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MOHD HATTA BIN MD
RAMLI [KUALA KRAI]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

**YB Dr. Mohd Hatta Bin Md Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan faktor dan bukti-bukti baru ditemui yang meyakinkan
Malaysia untuk menuntut semula Pulau Batu Putih.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an. Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senaraikan (mengikut tahun dari 2015) jumlah yang perlu dibayar balik oleh Integrated Nautical Resort Sdn Bhd kepada Bank Pembangunan bagi pinjaman RM246.5 juta; tarikh perlu bayar ikut perjanjian dan tarikh sebenar bayaran dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pinjaman berjumlah RM246.48 juta oleh Integrated Nautical Resort Sdn Bhd (INR) kepada Bank Pembangunan, ia dipecahkan kepada dua akaun iaitu berjumlah RM220.50 juta dan RM25.98 juta. Secara

keseluruhannya, jumlah yang perlu dibayar balik oleh INR termasuk faedah sebanyak empat peratus setahun adalah sebanyak RM336.04 juta. Bagi akaun pertama, ansuran pertama adalah pada 1 April 2014 dan ansuran terakhir adalah pada 23 Disember 2028. Manakala bagi akaun kedua, ansuran pertama adalah pada 1 April 2016 dan ansuran terakhir adalah pada 23 Disember 2028.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan, sehingga kini, tiada sebarang tunggakan pembayaran oleh INR bagi pinjaman berjumlah RM246.48 juta dengan Bank Pembangunan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 14.03.2017 (selasa)
SOALAN : 55

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab kenapa masih tiada tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Pengerusi PERDA yang menjual tanah milikan di Seberang Perai Selatan dengan harga lebih rendah daripada harga pasaran di Sungai Acheh dengan kerugian RM15.2 juta dan tanah seluas 5.8 ekar di Sungai Baong dengan kerugian RM410,000 sebagaimana dinyatakan di dalam laporan Audit Negara. Berapa jam Pengerusi PERDA disoal siasat oleh SPRM.

JAWAPAN: YB DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat masih lagi dalam tindakan siasatan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Selain daripada itu, satu kertas penyiasatan awal juga telah dibuka pada tahun ini hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (57)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2017 [SELASA]

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

SOALAN :

YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula projek-projek mega dan menumpukan segala sumber kewangan yang ada untuk meringankan beban rakyat daripada sudut kenaikan harga barangan, perkhidmatan pendidikan tinggi dan perkhidmatan hospital.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang dilaksanakan secara Kerjasama Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP) meliputi projek dalam sektor pendidikan, perkhidmatan kesihatan, keselamatan dan sosial.

Pelaksanaan projek-projek secara PPP membolehkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat disegerakan dan rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang cekap dan efisien dalam masa yang ditetapkan. Di samping itu, PPP juga merupakan kaedah yang relevan bagi memastikan perbelanjaan yang efisien oleh Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan akan meneruskan agenda pembangunan negara melalui kerjasama awam swasta.

Walaupun begitu, dengan mengambil kira kedudukan ekonomi semasa negara, beberapa inisiatif yang melibatkan projek PPP telah diambil bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan serta menjaga kepentingan rakyat, antara lainya seperti menangguhkan projek-projek PPP yang

melibatkan komitmen kewangan secara langsung kepada pihak Kerajaan bagi membolehkan peruntukan sedia ada Kerajaan digunakan untuk manfaat rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih

14 Mac 2017

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9623

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status bagi kes repot polis CENTRAL/001753/16 dan kenapa suspek yang terlibat belum dihadapkan ke mahkamah walaupun penangkapan polis telah dibuat pada 9 Mei 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima laporan Polis berkaitan Central Report 1753/16 yang dibuat oleh seorang Pengarah Syarikat New Island Property Management Sdn. Bhd di Pulau Pinang pada 11 April 2016. Suspek dikatakan telah melakukan pecah amanah terhadap wang caj servis yang dikutip dari Perbadanan Pengurusan Tanjung Park Kondominium, Tanjung Tokong, Pulau Pinang yang berjumlah RM 34,110.30. Siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan (Pecah Amanah Jenayah).

Suspek telah ditangkap dan ditahan reman oleh PDRM pada 9 Mei 2016. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Pulau Pinang dan diserahkan semula kepada PDRM untuk siasatan lanjut.

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID**

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9792

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan visa pekerja asing yang ditangguhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menangguhkan sebarang permohonan visa pekerja asing. Majikan yang telah diluluskan permohonan pengambilan pekerja asing boleh memohon visa pekerja mengikut prosedur sedia ada.

SOALAN (60)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2017 [SELASA]

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

SOALAN :

YB DATO' AHMAD FAUZI BIN HJ ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan bagi merombak semula tafsiran miskin dan miskin bandar seiring dengan kenaikan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengguna pakai pelbagai pendekatan untuk mentafsir kemiskinan. Pendekatan-pendekatan tersebut adalah selaras dengan amalan badan-badan antarabangsa dan juga amalan kebanyakan negara di dunia.

Pendekatan pertama dalam mentafsir kemiskinan ialah berasaskan kepada konsep kemiskinan mutlak. Berasaskan kepada konsep ini, kemiskinan diukur berdasarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang mengguna pakai kaedah pendapatan minimum makanan dan bukan makanan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah untuk hidup sihat dan aktif. Bagi Malaysia, penentuan PGK ini mengambil kira saiz isi rumah, umur ahli isi rumah, lokasi bandar dan luar bandar, skil ekonomi bagi bukan makanan dan sebagainya

Nilai PGK purata di bandar dan luar bandar bagi tahun 2012 dan 2014 adalah seperti berikut:

	PGK Purata (RM)	
	2012	2014
Malaysia	860	950
Strata		
Bandar	870	960
Luar Bandar	840	910

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

PGK akan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk menceminkan pergerakan harga. Oleh itu, pengukuran mengikut PGK ini bukanlah statik, malah adalah dinamik kerana mengambilkira kenaikan harga.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memperlengkapkan lagi pengukuran kemiskinan mutlak yang mengguna pakai kaedah pengukuran PGK tersebut, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) juga mengguna pakai tafsiran dan pengukuran kemiskinan berasaskan konsep kemiskinan relatif. Ini meliputi tafsiran bagi isi rumah berpendapatan rendah (berpendapatan bulanan antara PGK mutlak sehingga RM2,300) manakala isi rumah berpendapatan menengah rendah ialah isi rumah berpendapatan antara RM2,300 sehingga RM4,600 sebulan. Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) adalah isi rumah yang mempunyai pendapatan sehingga RM3,860

sebulan. Ini bermakna, setiap isi rumah B40 adalah tergolong dalam salah satu daripada tiga kumpulan isi rumah yang disebutkan iaitu sama ada isi rumah miskin, isi rumah berpendapatan rendah atau isi rumah berpendapatan menengah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendekatan Kerajaan khususnya melalui RMKe-11 dalam pembangunan sosio-ekonomi rakyat adalah berasaskan kepada pendekatan *need-based*. Kategori isi rumah yang dinyatakan merupakan antara kumpulan sasaran yang menjadi fokus RMKe-11 bagi menangani keperluan spesifik mereka khususnya dalam pembangunan potensi dan kapasiti termasuk dalam menghadapi kos sara hidup. Pendekatan ini adalah komprehensif dan selaras dengan prinsip *need-based* dan *no one is left behind*. Oleh yang demikian, PGK tidak menjadi kekangan dalam melaksanakan agenda pembasmian kemiskinan dalam arus pembangunan sosio-ekonomi yang dinamik.

Sekian. Terima kasih.

14 Mac 2017

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9624

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kem pelarian/migran yang ditemui di Wang Kelian, termasuk 12 anggota polis yang dilaporkan ditahan. Nyatakan bilangan suspek yang ditahan, disabit kesalahan, dan jika melibatkan pegawai Kerajaan, nyatakan jabatannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 11 Mei 2015, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melancarkan Ops Wawasan dengan menggerakkan pasukan VAT 69 dan anggota Pasukan Gerakan Am bagi mengesan khemah dan kubur sebagaimana yang dijumpai oleh pihak Thailand. Menerusi operasi tersebut, PDRM telah menemui 6 lokasi khemah dan 139 struktur yang dipercayai kubur. Penemuan khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket di dalam hutan di sempadan Malaysia - Thailand merupakan tempat yang diistilahkan sebagai “*Safe Haven*” untuk memindahkan sementara pendatang-pendatang asing apabila pihak berkuasa Thailand membuat operasi di kawasan berkenaan dan setelah keadaan reda, pendatang berkenaan akan dipindahkan semula di penempatan kekal yang terletak di Thailand.

PDRM telah menjalankan siasatan berkaitan penemuan ini dan hasil daripada siasatan tersebut, PDRM telah menuduh seramai 4 orang suspek terdiri daripada seorang warganegara Bangladesh, 2 orang warganegara Myanmar dan seorang warganegara Thailand yang terlibat dengan aktiviti pemerdagangan orang di bawah Seksyen 26A Akta ATIPSOM (*Anti Trafficking In Person and Anti Smuggling of Migrants Act*) di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis pada 9 Mei 2016. Tertuduh warganegara Bangladesh telah mengaku bersalah dan dihukum 10 tahun penjara manakala

kedua-dua tertuduh warganegara Myanmar telah dihukum penjara 3 tahun. Seorang lagi tertuduh warganegara Thailand masih di peringkat perbicaraan. Tarikh perbicaraan seterusnya ditetapkan pada 15 dan 16 Disember 2017.

Selain itu, PDRM telah memasukkan 11 nama yang mempunyai waran tangkap yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis di dalam Notis Merah (*Red Notice*) melalui *National Central Bureau* (NCB) dan *International Criminal Police Organization* (INTERPOL). Pada Ogos 2016, Kerajaan Malaysia telah memohon kepada Thailand dan Bangladesh melalui Jabatan Peguam Negara untuk proses ekstradisi terhadap 10 orang suspek warganegara Thailand dan seorang warganegara Bangladesh yang dikenalpasti terlibat dalam kes penyeludupan migran di Wang Kelian, Perlis.

Sebanyak 106 kertas kes kematian mengejut (SDR) telah diserahkan kepada Timbalan Pendakwaraya Negeri Perlis pada 14 Oktober 2016 untuk arahan sama ada inkues perlu diadakan atau sebaliknya oleh Mahkamah Majistret Kangar.

Seramai 12 orang anggota PDRM yang disyaki terlibat dengan sindiket penyeludupan migran telah ditangkap di bawah Akta ATIPSOM (*Anti Trafficking In Person and Anti Smuggling of Migrants Act*) dan POCA (*Prevention of Crime Act*). Namun, mereka telah dibebaskan kerana tiada bukti kukuh untuk disabitkan atas kesalahan tersebut.

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB. DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk mewujudkan satu penganjuran acara antarabangsa secara dwi tahunan seperti penganjuran acara LIMA di Langkawi.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan buat masa ini tidak menganjurkan apa-apa acara antarabangsa dwi tahunan di Langkawi. Walaubagaimanapun, sebelum ini Kementerian telah mengadakan Karnival Pelancongan LIMA secara dwi tahunan bersempena LIMA, Langkawi. Kali terakhir dilaksanakan adalah pada tahun 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa acara antarabangsa juga telah diadakan di Langkawi seperti *Langkawi Royal Regatta*, *SAIL Malaysia*, *Pesta Pantai Tanjung Rhu*, *Ironman Langkawi*, *Paintball Asia Championship 2014 & 2015*, *Festival International Sport Extreme (FISE)*, *IFMA Muaythai World Championship*, *Royal Muaythai Championship*, *X-Terra Asia Pacific* dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA [BATU SAPI]

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN : 63

Datuk Tsen Thau Lin @ Linda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan sebagai sebuah lapangan terbang antarabangsa dengan kemudahan yang mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sandakan (LTS), Sabah sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Lapangan-lapangan terbang domestik termasuk LTS adalah berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain. Walaupun tidak berstatus antarabangsa, LTS masih boeh menerima penerbangan antarabangsa dengan kemudahan-kemudahan yang menyokong kepada penerimaan penerbangan antarabangsa tersebut. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memastikan kemudahan di lapangan terbang negara termasuklah LTS mencukupi melalui projek-projek pembangunan lapangan terbang yang ada.

Di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe11), Kerajaan telah meluluskan projek Pembesaran LTS dengan kos sebanyak RM 80 juta. Skop projek adalah seperti berikut:

- a. Pemanjangan Landasan Dari 2,133m hingga 2,500m (penambahan 367) dari sebelah Rwy 08;
- b. Connecting *Taxiway* Baru bagi mempercepatkan pergerakan keluar dari *Runway* ke *Parking*;
- c. *Apron* dan dari *Parking Apron* ke *Runway*;
- d. Pelebaran Kawasan Memakir Pesawat (*Parking Apron Deepening*);
- e. Relokasi *Precision Approach Light* (anggaran 1200m panjang);
- f. Relokasi Sistem ILS/GP & PAPI;

- g. Sistem Lampu AGL bagi kawasan pemanjangan Landasan, *Taxiway* baru dan *Parking Apron*;
- h. *Pavement Markings*;
- i. Kerjatanah di bahagian pemanjangan landasan; dan
- j. Kerja-kerja lain.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses menyediakan dokumen tender bagi pelantikan juruperunding.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini adakah Kerajaan telah mengenal pasti lokasi untuk membina loji tenaga nuklear, dan bagaimanakah Kerajaan akan memastikan keselamatan loji agar tidak membahayakan alam sekitar dan orang awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada masa ini, tiada lokasi tapak cadangan untuk loji janakuasa nuklear yang dikenalpasti kerana sehingga kini Kerajaan masih belum membuat keputusan berhubung pelaksanaan projek loji janakuasa nuklear di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN

TARIKH : 14.3.2017

SOALAN : No. 65

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian dan perancangan Kementerian terhadap cadangan mewujudkan dana wakaf pendidikan tinggi di peringkat Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wakaf merupakan salah satu sumber pendanaan yang penting bagi meningkatkan kemampuan kewangan Universiti Awam (UA) dan mengurangkan pergantungan pada dana awam.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menetapkan supaya semua UA menubuhkan pusat wakaf masing-masing mulai tahun 2017. KPT juga mengadakan program penerangan kepada UA untuk:

- (a) memberi kefahaman kepada UA tentang pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi;
- (b) membantu mewujudkan pusat wakaf di UA; dan
- (c) menyelaras kerjasama bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) tentang penubuhan dan pengoperasian wakaf pendidikan tinggi di UA.

Bagi tujuan tersebut, KPT telah menyediakan buku panduan bertajuk *Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf* (UniTP Purple Book), khususnya untuk membantu UA mengenai tatacara membentuk sistem governan pengurusan wakaf pendidikan tinggi serta melaksanakan pelbagai model wakaf di institusi masing-masing.

Sebanyak 8 buah UA telah menubuhkan pusat wakaf di universiti masing-masing iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Manakala baki 12 buah UA sedang dalam proses menubuhkan pusat wakaf dengan kerjasama MAIN masing-masing iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD
TARIKH : 14.3.2017
SOALAN : NO. 66

Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah geran peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan berapakah perjawatan baru diwujudkan di Kolej Universiti Sultan Azlan Shah yang telah dinaik taraf menjadi universiti setelah diisytiharkan oleh Perdana Menteri ketika kempen Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Universiti Sultan Azlan Shah telah dinaik taraf sebagai universiti pada 14 Jun 2016 dengan dikenali sebagai Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

Kementerian Pendidikan Tinggi telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta secara *one-off* kepada USAS pada tahun 2016 bagi maksud menampung sebahagian kos operasi USAS.

Jumlah perjawatan USAS sehingga kini adalah seramai 146 orang staf akademik dan 212 orang staf pengurusan serta menawarkan 34 program pengajian peringkat asasi, diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9625

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan laporan polis nombor Dang Wangi /020885/16 untuk menyiasat laporan palsu oleh YB Khairul Azwan bin Harun yang bernombor CHOWKIT/05870/16 yang menuduh Tan Sri Abdul Ghani Patail memberi maklumat kepada agensi asing dan terlibat dalam konspirasi untuk menggulingkan YAB. Perdana Menteri Datuk Seri Najib serta Kerajaan Malaysia yang sah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung laporan polis Chowkit Repot 5870/2016 di mana hasil siasatan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 29 November 2016 untuk arahan dan penelitian Timbalan Pendakwaraya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 14.3.2017

SOALAN :

Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan pengajian Mandarin sebagai mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah kerajaan bagi membuat persediaan dan mengambil kesempatan dalam menghadapi ekonomi dunia yang makin condong ke arah Negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bahasa Cina telah mula dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan (SK) pada tahun 1950-an. Mata pelajaran ini ditawarkan khas sebagai bahasa ibunda untuk murid kaum Cina yang belajar di SK. Pada tahun 1996, status Bahasa Cina (Mandarin) berubah daripada bahasa ibunda kepada bahasa tambahan dan menjadi subjek elektif kepada murid semua kaum di SK. Seterusnya pada tahun 2011, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) ditawarkan sebagai subjek elektif kepada semua murid SK melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lebih kurang 500 buah SK yang menawarkan BCSK di seluruh negara. KPM juga sedang merancang untuk melaksanakan kurikulum Bahasa Cina Antarabangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan khususnya kepada murid yang bukan penutur jati Bahasa Cina.

RJM37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 69

**Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terangganu] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan apakah status serta kedudukan Suasa
Airlines dan Syarikat Monspace yang telah didenda beroperasi
penerbangan ke Langkawi tanpa permit.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Syarikat Suasa Airlines Sdn Bhd telah didapati bersalah oleh Mahkamah Seksyen Sepang pada 9 Januari 2017 selaras dengan Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] bagi penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada 18 Julai 2016. Syarikat penerbangan tersebut telah dijatuhkan hukum dengan denda sebanyak RM380,000 atau 10 bulan penjara sekiranya gagal melunaskan denda. Dalam hubungan ini, syarikat Suasa Airlines telah membayar denda sebanyak RM380,000 pada hari yang sama. Manakala, Syarikat Monospace masih dalam siasatan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia buat masa ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mewujudkan suatu Pendaftaran Pesalah Kesalahan Seksual (Sex Offender Registry) dan kenapa wujudnya kelewatan dalam perkara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian sedang dibuat tentang kewajaran cadangan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan pendaftaran kesalahan seksual. Walau bagaimanapun, buat masa ini terdapat Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] bagi pendaftaran penjenayah, orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri dan orang terhad tertentu dan bagi maksud lain yang bersangkutan dengannya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9793

SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof [Parit Buntar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap Laporan RCI Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil tindakan susulan daripada penubuhan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah pada 3 Disember 2014, sebagaimana berikut:

- i) menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS). Jawatankuasa ini terbahagi kepada 2 tier iaitu, Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) yang dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah serta Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal) yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah;**

- ii) meningkatkan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi semenjak tahun 1990. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 hingga 17 Februari 2017 adalah seramai 553,216 orang;**

- iii) menjalinkan kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak yang positif yang mana dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;**

- iv) menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lain adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu PATI di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan**

- v) memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 dengan tujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
TARIKH : 14.3.2017
SOALAN : NO. 72

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah sebab Kementerian tidak membenarkan Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi taklimat kepada para pelajar UPM, UiTM, UKM dan UIAM di kampus berhubung Program Biasiswa Peduli Siswa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi tidak membenarkan Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi taklimat kepada para pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di kampus masing-masing berhubung Program Biasiswa Peduli Siswa adalah tidak benar.

Universiti Awam sememangnya memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai contoh, UIAM bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengadakan hebahan temuduga mahasiswa untuk Program Khas Peduli Siswa Sesi Pertama Tahun 2017 dan memberikan surat pelepasan kepada pelajar yang terlibat untuk hadir ke sesi temuduga tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : UST DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI

TARIKH : 14.3.2017

SOALAN : NO. 73

Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status dan perkembangan pembinaan Hospital Pengajar UniSZA dan adakah ia mengikut jadual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan dengan kapasiti 400 buah katil dan melibatkan 2 fasa melaksanakan.

Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 21 Mac 2016. Pada ketika ini, kerja-kerja penambakan tanah telah selesai sepenuhnya manakala kerja-kerja fizikal sedang giat dijalankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 14 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapa orang pelajar yang terjejas dengan kelewatan pembayaran elaun di bawah program biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (b) bilakah Kerajaan dijangka membuat pembayaran elaun bagi mereka yang terjejas.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menerima bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) masing-masing mengikut jadual yang ditetapkan sebelum 15 Februari 2017. Mana-mana kelewatan tarikh pengkreditan adalah kerana isu teknikal yang melibatkan sistem di sesebuah institusi perbankan sekiranya ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prestasi urusan niaga dan kedudukan kewangan Malaysia Airlines Berhad (MAB) setelah ianya dirombak semula daripada Malaysia Airlines System Berhad (MAS) pada September 2015. Adakah Khazanah berjaya dalam mencapai matlamat MAS Recovery Plan (MRP) yang dimaktubkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pemulihan MAS

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS

(PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM, dimana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Prestasi Kewangan dan Muatan Penumpang

Bagi tahun kewangan berakhir 2016, MAB telah berjaya mencatatkan prestasi memberangsangkan, iaitu 49% lebih baik daripada sasaran yang telah ditetapkan dan syarikat kini berada pada landasan yang lebih kukuh untuk kembali mencatatkan keuntungan pada tahun 2018. Pelbagai inisiatif pemulihan telah dijalankan dan menunjukkan hasil yang positif antaranya meningkatkan faktor muatan penumpang (*load factor*) telah meningkat kepada 81% pada suku keempat tahun 2016, berbanding 70% pada suku sama pada tahun 2015. Bagi bulan Disember 2016, faktor muatan penumpang meningkat kepada 90%.

Tuan Yang di-Pertua,

Penjimatan Kos dan Penurunan Kadar Tambang

Inisiatif pemulihan dan penjimatan kos merupakan perkara utama yang menjadi tumpuan MAB di bawah PPM. Sebanyak 17 inisiatif penjimatan kos bahan api telah dijalankan pada tahun 2016 dan telah menyebabkan penjimatan dan penggunaan bahan api sebanyak 22.15 juta kilogram setahun berbanding dengan sasaran asal 13.3 juta kilogram setahun. Penjimatan bahan api telah menyumbang kepada penurunan kadar tambang purata sebanyak 3% kepada RM484 setiap penumpang pada suku keempat tahun 2016, berbanding suku yang sama pada tahun 2015. Penurunan tambang purata ini akan dapat menambahkan daya saing MAB dengan syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tambahan Laluan Penerbangan Baharu

Bermula pada suku keempat tahun 2016, MAB juga telah menambah beberapa penerbangan baharu ke negara China termasuk Haikou, Nanjing, Wuhan dan Fuzhou. Pengenalan laluan baharu ini

juga telah mendapat sambutan yang baik dengan kadar tempahan yang amat memuaskan. Selain itu, syarikat baharu yang khas untuk penerbangan haji dan umrah sedang ditubuhkan yang akan beroperasi menggunakan enam buah pesawat A380.

Bagi tahun 2017, MAB menjangkakan jumlah penumpang keseluruhan akan meningkat kepada 17 juta penumpang dan yakin akan dapat memulihkan prestasi syarikat dengan mencatatkan keuntungan menjelang penghujung tahun 2018 serta disenaraikan semula di Bursa Malaysia pada tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :**

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah kadar "buang kerja" di sektor perubatan dicatat sebagai tertinggi di kalangan kakitangan perkhidmatan awam lain. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada statistik sehingga 31 Disember 2016, terdapat keseluruhan **496 kes Tidak Hadir Bertugas bagi Pegawai Perubatan** di Kementerian Kesihatan Malaysia di mana **54 kes atau 11% dikenakan Hukuman Buang Kerja**. Punca utama yang dikenalpasti ke atas ketidakhadiran pegawai adalah tekanan kerja dan masalah peribadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya adalah melalui tiga (3) pendekatan iaitu:-

- i. **Tindakan awalan oleh Ketua Jabatan** melalui pemantauan dan penyeliaan yang berkesan terhadap pegawai di bawah seliaannya. Ini adalah selari dengan **Peraturan 3C.(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), [P.U. (A) 395/1993]**, “Adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin”.

- ii. **Tindakan Punitif iaitu mengambil tindakan tatatertib** terhadap pegawai-pegawai yang dikenalpasti melanggar Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pelanggaran tatakelakuan dan larangan membolehkan pegawai dikenakan hukuman yang paling ringan iaitu **Amaran [Peraturan 38(a)]** sehingga hukuman yang paling berat iaitu **Buang Kerja [Peraturan 38(g)], P.U. (A) 395/1993**. Ini bertujuan untuk memberi pengajaran kepada pegawai supaya lebih bertanggungjawab dan serius dalam melaksanakan tugas yang digalas.

- iii. **Tindakan Pemulihan** iaitu meningkatkan Program Penerapan Nilai-nilai Murni bagi meningkatkan kesedaran pegawai.

NO. SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

TARIKH : 14 MAC 2017

RUJUKAN : 9627

SOALAN:

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan menjangkakan keberkesanan penyelesaian masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini dengan pelaksanaan "Enforcement Card" atau e-Kad oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bermula pada 15 Februari 2017 bertujuan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia supaya diberikan kad kebenaran bekerja sementara. Program ini bertujuan memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen (pasport) daripada pihak kedutaan bagi membolehkan PATI tersebut 'diputihkan' melalui program ini.

Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan majikan yang berhasrat menyertai program ini dan memastikan mana-mana PATI yang tidak layak akan dihantar pulang ke negara asal melalui Program 3 +1 bagi memastikan pengurangan lambakan PATI dalam negara.

Majikan yang menggaji PATI tanpa berdaftar di bawah apa-apa program yang berkuat kuasa akan dikenakan hukuman berat

mengikut perundangan sedia seperti mana tertakluk di bawah Seksyen 55(b) Akta Imigresen 1959/63 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang RM 10,000 tetapi tidak lebih RM 50,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN- BN]**

TARIKH : 14 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 78

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang rancangan Kementerian secara holistik dalam melahirkan belia cemerlang bertaraf dunia didalam bidang sukan khususnya dari kalangan masyarakat luar bandar seperti Kinabatangan dan bilakan Kementerian akan Membina sebuah Kompleks sukan di Daerah Kinabatangan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah merancang dan sentiasa memastikan pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan mampu menarik minat masyarakat untuk menyertai aktiviti sukan seterusnya melahirkan belia yang cemerlang dalam bidang sukan. Program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian tidak sekadar berpusat mengikut lingkungan geografi tetapi adalah secara menyeluruh sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Antara program yang disediakan adalah program sukan kecergasan, sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan untuk semua.
2. Pada tahun ini KBS telah menyediakan program-program yang mampu menjadi platform dalam mencungkil bakat baru dalam sukan. Sebagai contoh Kementerian melaksanakan INSPIRE iTalent & iTrain, Kem Bakat Badminton serta program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) yang akan dilaksanakan di pelbagai peringkat. Program LiSUS mempertandingkan sukan-sukan seperti futsal, bola jaring, sepak takraw, bola tampar dan bola sepak 9 sebelah. Bagi melahirkan atlet yang berpotensi dalam bidang sukan bermotor dan sukan ekstrem yang kian mendapat perhatian, Kementerian juga menyediakan program Motorcross Championship dan Drag Racing Championship di peringkat Zon.

SULIT

3. Selain itu, KBS buat masa ini tiada perancangan untuk membina kompleks sukan di daerah Kinabatangan. Walau bagaimanapun Kementerian ini bersedia untuk melihat semula kemudahan sukan yang terdapat di Kinabatangan untuk dinaiktaraf bagi memastikan ianya dapat digunakan oleh penduduk tempatan seterusnya mencungkil bakat-bakat baru untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH
EMBAS
TARIKH : 14 MAC 2017
SOALAN :

YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini mengikut pecahan masing-masing kerja-kerja projek penaiktarafan Hospital Umum Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sarawak. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sarawak terutamanya projek penaiktarafan Hospital Umum Sarawak. Pada masa ini terdapat dua (2) projek yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk Hospital Umum Sarawak.

Untuk makluman, Projek Naiktaraf Lif Hospital Umum Sarawak telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016 bagi pengantian 12 buah lif. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Anggaran Kos Projek : RM5,400,000.00
Agensi Pelaksana : JKR Sarawak
Kontraktor : M/S Antah Bumimedica Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak : 30-11-2016
Tarikh Jangka Siap : 29-05-2018
Kemajuan Projek : Jadual: 0.2%
(sehingga 20 Februari 2017) Sebenarnya: 0.3%

Untuk makluman, Projek Naiktaraf Sistem Penghawa Dingin dan Pengudaraan, Hospital Umum Sarawak juga telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016. Perincian pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

Anggaran Kos Projek : RM4,500,000.00
Agensi Pelaksana : JKR Sarawak
Status Projek Terkini : a) Kementerian Kesihatan Malaysia telah bersetuju supaya projek ini dijalankan

dalam 2 Fasa, iaitu Fasa 1 melibatkan Sayap Timur dan Fasa 2 melibatkan Sayap Barat.

- b) JKR Sarawak sedang memuktamadkan Anggaran Kos Projek baharu.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2017

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah GST yang telah di kutip mengikut bulan sepanjang tahun 2015 sehingga 2016 dan tempoh masa yang diperlukan untuk rebat GST dipulangkan kepada pihak berwajib.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Manakala bagi tahun 2016, jumlah hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 Januari 2016 hingga 31 Disember

2016 adalah sebanyak RM41.206 bilion. Secara puratanya, hasil bersih kutipan GST setiap bulan adalah sebanyak RM3.0 bilion bagi tahun 2015 dan RM3.4 bilion bagi tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan 67, Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Kerajaan akan membuat bayaran balik tuntutan kredit cukai input dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara *online* dan 28 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara manual. Tempoh tersebut adalah tertakluk kepada pengemukaan tuntutan telah dibuat dengan teratur iaitu memberikan maklumat yang lengkap dan tepat di mana tiada proses verifikasi tambahan yang perlu dilakukan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Ini termasuklah pengemukaan semua resit asal daripada mana-mana pembekal barangan dan perkhidmatan yang berdaftar di bawah GST untuk membuat semakan silang antara semua pembekal dan pengguna termasuk pengguna perniagaan dan pengguna akhir.

SOALAN (81)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2017 [SELASA]

DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALEH
[KALABAKAN]

SOALAN :

YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALEH [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebenarnya projek Forest City:-

(a) siapakah pemiliknya; dan

(b) bagaimana ia memanfaatkan rakyat dan Negara ini bersesuaian dengan slogan rakyat didahulukan dan jaminan akan kedaulatan Negara dikekalkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dan berada di bawah urusan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

14 Mac 2017